

# Samudera

EDISI 2/2022



## TLDM SIAGA KEDAULATAN TERPELIHARA

Majalah Rasmi Tentera Laut Diraja Malaysia

ISSN 0127-6700



**SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN**

**TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA**

**ATAS SEGALA PENGORBANAN  
MELINDUNGI & MEMPERTAHANKAN  
PERAIRAN MALAYSIA,  
NEGARA BERTUAH INI**

**“SELAMAT HARI TLDM KE-88”**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS  
SERTA IRINGAN DOA

**YOUR RELIABLE  
STRATEGIC ALLIANCE** 

*“SENTIASA BERSAMA KETIKA TENANG & SEMASA DIUJI”*



**BUDI AXIS SDN BHD (836389-H)**  
SUITE B1-17, MEGAN AMBASSY, 225 JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR  
T 03-2171 2525, 03-2171 2727 F 03-2166 1717 E enquiry@budiaxis.com

# KANDUNGAN

- 6 Fokus**  
Erti Kemerdekaan
- 9 Rencana**  
*Issues and Challenges In The Rise Of The Indo Pacific*
- 12 Siaga**  
i. Keselamatan Malaysia Timur Diperkukuh dengan Inventori Baharu TLDM  
ii. Ekseksais Samudera Laksamana 2022  
iii. OSTEX EAST 1/22: Kesiagaan TLDM Terus Dipertingkatkan  
iv. PERANG PANGKOR: Perkasa Keupayaan Skwadron Korvet Ke-24  
v. OP PATKOR MALINDO 156/22: Tingkat Kerjasama Menjaga Perairan Selat Melaka
- 16 Tahukah Anda**  
Kejayaan Penamaan Fitur Dasar Laut (FDL) di bawah SCUFN
- 18 Penulis Tamu**  
Pencaturan Kuasa-kuasa Besar di Lautan Serantau: Retak Menanti Belah?
- 22 Teknologi**  
RMN METOC CENTRE - Pusat Maklumat Meteorologi Oseanografi Pertahanan
- 24 Veteran**  
Ekspo Usahawan Veteran TLDM 2022
- 25 PSSTLDM**  
PSSTLDM Kembali aktif
- 26 TRED**  
Keunggulan Penembak Tepat (SNIPER) PASKAL
- 28 The Navy People**  
Wajah-wajah *The Navy People*
- 30 Snapshot**  
Ufuk di Samudera Raya
- 32 Didik**  
i. Program Kerjasama MSU dan TLDM - Lahirkan Anggota Berkemahiran Tinggi  
ii. Program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga ATM
- 34 Galeri**  
Perbarisan Hari TLDM ke-88 di Pangkalan TLDM Lumut
- 36 Informasi**  
*Malacca and Singapore Straits - Electronic Navigational Chart (MSS-ENC)*
- 38 Sejarah**  
Laksamana Pertama P.K (BABOO) NETTUR: Kisah Yang Tak Terungkap
- 40 With Flying Colours**  
i. Pegawai Wanita Pertama TLDM Menyandang Pangkat Laksamana Muda  
ii. PKK Janusha: Buktikan Keupayaan di Persada Dunia
- 42 Sihat**  
Wabak Cacar Monyet: Ancaman Kepada Pengoperaian ATM
- 44 BAKAT**  
i. Bengkel Kepimpinan BAKAT(L) Siri 1/22  
ii. Majlis Meraikan Balu dan Anak Yatim Sempena Hari Ulang Tahun TLDM ke-88  
iii. Mesyuarat Jemaah BAKAT(L) Penggal Pertama Tahun 2022  
iv. Program Motivasi Anak-Anak *The Navy People*
- 46 Sukan**  
Atlet TLDM Melakar Nama di Pentas Sukan SEA
- 48 Berita**  
i. OP BENTENG LAUT: KD LEKIU Usir Bot Nelayan Asing  
ii. Lawatan Rasmi PTL Singapura Ke PTKK  
iii. Lawatan Politeknik Bagan Datuk ke KD PELANDOK  
iv. Persidangan Sejarah Tentera Laut 2022  
v. RIMPAC 2022: KD LEKIR Lakar Sejarah  
vi. PPU TLDM: Dalam Kenangan
- 53 Galley**  
Char Kuey Teow *Esplanade*
- 54 Santai**  
Di Sebalik Nama





27 April 1934 merupakan tarikh keramat khususnya kepada TLDM dalam meniti kematangan usianya yang ke-88. Bagaikan sebuah bahtera yang berada di tengah Samudera Raya mengharungi segenap arus serta badai namun sebagai sebuah keluarga *the Navy People* kita berjaya mengharunginya bersama. Sempena Ulang Tahun TLDM yang ke-88 bertemakan **TLDM Siaga, Kedaulatan Terlihara**, marilah bersama-sama kita menghayati erti sebenar pengorbanan dalam sebuah perjuangan.

Kejayaan demi kejayaan ditempa sepanjang suku tahun pertama Kejayaan penembakan misil di Eksesais RIMPAC, Perolehan *Helikopter* baru model AW139 serta perolehan *Unmanned Aircraft System* (UAS) jenis ScanEagle2 membuktikan kesiagaan TLDM sentiasa yang optimum dalam mengawasi perairan negara. Tidak lupa juga atlet TLDM yang berjaya merangkul emas di dalam Sukan SEA dan pelbagai lagi yang berjaya mengharumkan negara amnya dan TLDM khasnya.

Walaupun aset hampir 75 peratus menjangkau usia emas namun ia bukan penyebab dalam melemahkan perjuangan untuk menjaga perairan kedaulatan negara. Sempena Hari TLDM ke-88 marilah bersama-sama memimpin teguh dan memanjatkan doa agar kita sentiasa berada di bawah perlindunganNya.

**Sedia Berkorban!**

#### PENAUNG/PENASIHAT

Laksdya Datuk Abdul Rahman bin Hj Ayob

#### KETUA EDITOR

Kept Ivan Mario Andrew TLDM

#### EDITORIAL

Kdr Azahar bin Ngah Ahmad TLDM  
Lt Kdr Mohd Abid bin Mohd Surid TLDM  
PW I KOM (PE) Nor Hasmin bin Hashim  
BM PNK Ridzuan bin Saleh  
BM PNK Nurul Asyikin binti Mat Fadhil  
LK I TLS Iskandar bin Zulkifli

#### REKA BENTUK

Arif Corporation Sdn. Bhd.

#### ALAMAT

Sidang Redaksi Majalah Samudera  
PUSMAS TLDM  
(RMN Sea Power Centre)  
Jalan Sultan Yahya Petra  
54100 KUALA LUMPUR

**Tel: 03 - 4016 0144**

**E-mel : majalahsamuderatldm21@gmail.com**



Majalah Samudera diterbitkan empat kali setahun dan diedarkan secara **PERCUMA**. Majalah Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan "Wadah Informasi the Navy People"

# HARGA KAMI KEKAL SAMA!

LEBIH 150 PILIHAN PRODUK



\* Sah untuk produk RSM sahaja.



# ERTI KEMERDEKAAN

OLEH Kdr Shahruzikri bin Abdul Jalil TLDM

**P**ada 31 Ogos 2022 yang lalu, Dataran Merdeka dibanjiri dengan ribuan penonton dari dalam dan luar negara untuk bersama-sama menyaksikan sambutan hari ulangtahun kemerdekaan Malaysia yang ke-65 setelah dua tahun tidak dilaksanakan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hari yang bersejarah tersebut telah merekodkan jumlah kehadiran yang amat tinggi hingga telah memperlambatkan lalu lintas sekitar Kuala Lumpur. Adakah masyarakat benar-benar ingin menghayati erti kemerdekaan itu sendiri?

## Definisi

Apakah kemerdekaan ini sekadar bermaksud bebas daripada sebarang penjajahan? Dalam konteks kemerdekaan secara menyeluruh, saya ingin memetik cetusan daripada pendeta agung negara iaitu Tan Sri (Dr.) Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba yang mentakrifkan kemerdekaan itu sebagai, 'keadaan di mana sesebuah negara itu mengalami perubahan daripada melakukan apa sahaja perbuatan dan kepercayaan yang bodoh, mematikan akal serta menyekat kemajuan kepada keadaan sebuah negara yang mengamalkan perbuatan dan kepercayaan yang cerdik, membebaskan fikiran dan menggalakkan kemajuan'. Menurut Za'ba lagi, kemerdekaan seharusnya meliputi kemerdekaan minda dan jiwa. Empat aspek utama dijadikan sebagai asas iaitu agama, bahasa, pendidikan dan sikap (akhlak).

## Sejarah

Pembentukan Malaysia bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sekitar tahun 1400 masihi, Kesultanan Melayu Melaka adalah sebuah empayar yang berdaulat dan pusat perdagangan terpenting di Asia Tenggara. Seorang penulis Portugis yang terkenal bernama Tom Pires menyifatkan 'Melaka' adalah sebuah imperium dunia dalam karyanya Suma Oriental. Penduduk Melaka ketika itu juga adalah berbilang kaum malah ramai di kalangan bukan melayu yang menjadi orang-orang ternama kerajaan bahkan ada yang dilantik sebagai pembesar-pembesar istana.

Namun pada tahun 1511, pusat pemerintahannya di Kota Melaka akhirnya jatuh ke tangan Portugis yang dipimpin oleh Alfonso De Albuquerque. Sejak daripada kejatuhan Kota Melaka maka bermulalah era penjajahan. Pada tahun 1641, Kota Melaka jatuh pula ke tangan Belanda hasil perjanjian Johor-Belanda. Walaupun Kota Melaka di bawah pentadbiran Belanda, negeri-negeri melayu yang lain masih berada di bawah pemerintahan raja-raja melayu berdasarkan perjanjian tersebut.

Pada tahun 1786, Syarikat Hindia Timur Inggeris yang didalangi oleh Sir Francis Light telah berjaya melaksanakan tipu helahnya untuk menguasai Pulau Pinang dan Seberang Perai. Manakala pada tahun 1819, Sir Stamford Raffles pula berjaya menguasai Singapura dan pada tahun 1824 beliau berjaya merebut Kota Melaka daripada pentadbiran Belanda melalui perjanjian Inggeris-Belanda.

Sehinggalah pada satu ketika sekitar tahun 1948, British berjaya menjadikan keseluruhan semenanjung Tanah Melayu sebagai 'British Malaya' dan Sabah, Brunei serta Sarawak sebagai 'British Borneo'. Sejarah telah membuktikan bahawa tindakan British untuk mentadbir seluruh Tanah Melayu menggunakan pendekatan yang bijaksana tanpa mencetuskan sebarang peperangan adalah penjajahan manifestasi baharu pada waktu itu.

## Pendudukan Jepun Ketika Perang Dunia Ke-2

Tanah Melayu kemudiannya dikuasai pula oleh Jepun. Pada 8 Disember 1941, beberapa jam sebelum tentera Jepun menyerang Pearl Harbour, tentera Jepun telah berjaya mendarat di Kelantan dan Siam (Thailand).



Zaman kekejaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941 – 1945)

Kekalahan armada kecil British berpangkalan di Singapura iaitu Force Z yang dimusnahkan oleh pesawat pengebom Jepun di sekitar perairan Kuantan mengakibatkan tenggelamnya HMS PRINCE OF WALES dan HMS REPULSE. Kemusnahan Force Z ini adalah satu pengajaran kepada kita bahawa keupayaan sebuah angkatan laut perlu meliputi setiap dimensi peperangan. Selain itu, sesebuah angkatan laut juga perlu diperkuatkan dengan keupayaan perisikan yang jitu serta mampu beroperasi secara bersama dengan angkatan udara dan darat. Namun Force Z tidak memiliki ciri-ciri itu dan ia mudah dikesan oleh kapal selam dan pesawat-pesawat peninjau Jepun. Ketika diserang pesawat pengebom Jepun, Force Z tidak mampu membalas serangan menggunakan meriam anti udara mereka yang terhad. Kekuatan Force Z adalah terletak pada meriam-meriam utamanya yang berkeupayaan untuk menembak sasaran permukaan bagi menghalang pendaratan di kawasan persisiran. Lebih buruk lagi tiada koordinasi dilakukan dengan Tentera Udara Diraja British di Butterworth untuk mendapatkan bantuan ketika diserang pesawat pengebom tersebut.

Akhirnya pada bulan Februari 1942, British telah ditewaskan dan bermulalah 4 tahun kekejaman pendudukan Jepun serta kesengsaraan penduduk Tanah Melayu dan Singapura. Sepanjang pendudukan, Jepun melaksanakan undang-undang yang keras ke atas rakyat tempatan khususnya yang berketurunan Cina. Budaya dan zon waktu Tokyo digunakan, pendidikan Jepun dilaksanakan dan Tanah Melayu ditukar nama kepada 'Malai' bertujuan menyapakan identiti asal Tanah Melayu itu sendiri. Pada 6 Ogos 1945, tentera Amerika telah menggugurkan bom atom ke atas Hiroshima dan Nagasaki menyebabkan Jepun menyerah kalah dan mengakhiri pendudukannya di Tanah Melayu.

## Parti Komunis Malaya (Malayan Emergency 1948 – 1960)

Setelah pengunduran pihak Jepun, pihak British dengan segera mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu dengan menubuhkan *British Military Administration* (BMA) secara sementara. Pada masa yang sama, sebuah cawangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah membantu tentera British memerangi tentera Jepun iaitu *The Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) telah dibubarkan oleh BMA. Namun MPAJA enggan dibubarkan dan PKM ingin menuntut kemerdekaan daripada British serta bertekad untuk melaksanakan revolusi bersenjata.

MPAJA atau umumnya dikenali sebagai 'Komunis' menyerang kawasan-kawasan kediaman, bangunan-bangunan kerajaan, kilang-kilang, lombong bijih timah dan ladang-ladang getah untuk melemahkan ekonomi British di Tanah Melayu. Matlamat akhir Komunis adalah untuk mencetuskan huru-hara seluruh negara serta menuntut kemerdekaan daripada British dan seterusnya menubuhkan sebuah negara republik yang dinamakan sebagai *Communist Republic of Malaya*.

Apabila British menubuhkan *The Malayan Union* pada 1 April 1946, rakyat tempatan telah bangkit menzahirkan penentangan melalui penubuhan Parti Perikatan pada 1952. Pembentukan *The Malayan Union* ini dilihat sebagai satu lagi bentuk 'penjajahan' baharu kerana kewujudannya akan menjadikan seluruh Tanah Melayu ditadbir oleh seorang gabenor British. Rakyat Tanah Melayu membantah penubuhan *The Malayan Union*.



PKM sering melakukan kemusnahan dan kezaliman terhadap orang ramai

Setelah Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dan Dato' Onn Jaafar berjaya meyakinkan pihak British bahawa rakyat tempatan mampu untuk mentadbir negaranya sendiri, beliau telah menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Januari 1948 yang asalnya terdiri daripada 11 negeri di Tanah Melayu. Perkara ini tidak disenangi oleh PKM kerana penubuhan Persekutuan Tanah Melayu ini tidak seiring dengan matlamat PKM untuk menubuhkan sebuah negara republik.

## Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu

Semangat untuk memiliki sebuah negara yang berdaulat secara tidak langsung telah membentuk perpaduan antara kaum. Tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India telah bersatu dan menunjukkan sokongan ke atas Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Akhirnya, usaha Tunku Abdul Rahman telah membuahkan hasil apabila Perjanjian London pada 8 Februari 1956 telah ditandatangani oleh pihak British. Dengan termeterainya perjanjian ini, pihak British telah bersetuju bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan dimerdekakan daripada British dan tarikhnya jatuh pada 31 Ogos 1957.



Malayan Union merupakan agenda baru British selepas pendudukan Jepun terhadap Persekutuan Tanah Melayu

Persekutuan Tanah Melayu kemudiannya mengalami fasa untuk membentuk negara Malaysia. Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mencadangkan penggabungan lima buah jajahan iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei untuk membentuk sebuah negara yang baharu. Hasrat untuk membentuk MALAYSIA telah tercapai pada 16 September 1963 kecuali Brunei. Manakala Singapura pula terpisah daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.

## Berakhirnya Pemberontakan Komunis

Setelah komunis tidak berjaya untuk melemahkan British dan mentadbir Persekutuan Tanah Melayu mengikut ideologinya, PKM masih terus berusaha untuk menggunakan kekerasan dalam mencapai matlamatnya. Pasukan keselamatan dan tentera terus melaksanakan operasi-operasi memburu komunis dengan disokong dengan projek pembangunan kerajaan yang dinamakan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN). Pihak komunis menjadi semakin lemah dan akhirnya berundur ke sempadan Thailand dengan jumlah kekuatannya yang

sangat sedikit. Satu perjanjian damai telah dilaksanakan pada 1989 di Hatyai yang mengakhiri revolusi bersenjata PKM. Sejak daripada itu Malaysia terus melalui fasa-fasa pembangunan sebagai sebuah negara yang merdeka sehingga ke hari ini.



Rundingan Damai 1989 di Hatyai antara Malaysia dan PKM

## Obligasi & Kesimpulan

Merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan fizikal semata-mata. Kepesatan teknologi telah memudahkan ancaman penjajahan bentuk baharu ke atas negara kita terutamanya dalam bentuk budaya dan pemikiran. Benar penjajah sudah lama pergi, tetapi budaya dan pemikiran mereka masih kekal mencengkam.


*The Navy People* perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan negara kita kekal merdeka. TLDM sebagai angkatan laut sebuah negara yang merdeka juga perlu bebas melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya mengikut arahan dan garis panduan sendiri dan bukan di bawah telunjuk mana-mana angkatan laut asing yang lebih berkuasa. TLDM mesti terus mempunyai autonominya sendiri dalam melaksanakan operasi serta latihan mahupun di dalam atau di luar negara tanpa sekatan mengikut undang-undang antarabangsa. TLDM juga perlu kekal bebas untuk menentukan halatujau keupayaan angkatan lautnya sendiri tanpa sebarang pengaruh daripada kuasa luar.

Sesuai dengan apa yang dicituskan oleh Za'ba iaitu jika TLDM ingin terus kekal merdeka dalam erti kata yang sebenar, ia perlu terus 'mengamalkan perbuatan dan kepercayaan yang cerdik, membebaskan fikiran dan menggalakkan kemajuan dalam aspek agama, bahasa, pendidikan dan akhlak'. Ayuh kita sama-sama pelihara kemerdekaan ini walaupun nyawa menjadi taruhan. Sedia Berkorban. **S**



Sedia berkorban mempertahankan tanah air tercinta





# ISSUES AND CHALLENGES IN THE RISE OF THE INDO PACIFIC

BY Dr. Tharishini Krishnan Head of Department  
Strategic and Defence Studies Department

**F**or close to four decades, the Asia-Pacific has been predominant in defining regions that cover the Asia and Pacific spheres. However, the Asia-Pacific ‘cantons’ have been recreated, giving a contemporary geographical outlook with the merging of the Indian Ocean to fit a more integrated world today. Referred as the Indo Pacific (IP), the construct which combines two ocean space is suggesting a new geopolitical and security outlook.

China’s accusation of the United States (US) meddling into Asia and furthermore Beijing’s Belt and Road Initiative (BRI) and maritime expansion in the South China Sea (SCS) led to the increasing of power competition between the US and China. As a result, the Indo Pacific construct was shaped as a strategic attempt to counter the rise of China both economically and militarily. The implementation of the

Indo Pacific began with the shaping of the Quadrilateral Strategic Dialogue (Quad) with membership coming from the US, India, Japan and Australia. The key issues of the Indo Pacific cover the rule based order in Asia, freedom of navigation and overflight in the maritime commons, respect for international law, enhancing connectivity, and maritime security.

**However, the Indo Pacific which began its shaping in 2007 did not take momentum simply because it did not include China. The agony to abandon Beijing left many countries with cold feet in responding to the intentions of the Indo Pacific. Nevertheless, the continuous rise of China made Washington to gear up the implementation of the Indo Pacific and the Southeast Asia (SEA) was seen as the major playground. In 2017, during President Trump's visit to the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) Summit, the Quad spirit was lifted up with a separate working level meeting with its members.**



Members of Quadrilateral Strategic Dialogue (Quad)

Since its interception, the Indo Pacific has shown no sign of stopping – under the current presidency of Biden, the US has reaffirmed its commitment to Quad and a free and open Indo Pacific. For the US, the Indo Pacific is an opportunity to ‘return’ to Asia-Pacific region after the so-called ‘retreat’ of Obama’s Asia-Pacific rebalancing strategy that was seen by many as a means of containment of China. For India, it is an opportunity to highlight the important role of India in a region where its presence was less dominant as compared to that of China or the US. For Japan, the Indo Pacific is built on the fundamental commonalities between Japan, Australia, India and the US, which Abe called the ‘the diamond of democracy’. For Australia, it is an opportunity for Canberra to strengthen its claim to being part of the larger Asia-Pacific region as the Indian Ocean also borders Australia.

However, there are several challenges to overcome for the Indo Pacific to become successful. First is the exclusion



of China. Since the implementation of the Indo Pacific, the Quad members sees ASEAN and now the Europe as a strong partner. However, ASEAN countries has trouble in positioning Beijing in the Indo Pacific construct. Whilst the US sees China as a strategic competitor, other countries are not keen in antagonising China. ASEAN has been adopting neutrality vis-à-vis the Indo Pacific and is avoiding the risk of being sandwiched between big power rivalry. Even in the Europe, members of the regions are not interested in making China the enemy. This has high possibility to weaken the rise of the Indo Pacific.

Second, China has begun to see the Indo Pacific as a threat. At the initial stage of the Indo Pacific, Beijing saw the Indo Pacific as “an attention grabbing idea that will soon dissipate like sea foam” and that the without China, there would no Indo Pacific. China also saw that the Indo Pacific will not succeed or last long if it is built on antagonism towards a specific country. But the scenario has changed today where China openly argues that the Indo Pacific is a grand coalition between Washington and Beijing. This situation will continue to challenge the rise of the Indo Pacific with China attempting to strengthen its position globally and challenging the US’s position.

Finally, is the possibility of lacking in centrality within the Quad members. The Quad has the potential to become an established regional institution. But Quad contains many grey areas and vagueness in its so called ‘framework’ because the members struggle to cope with the security influxes that intertwine in a large geographical span - this leads to less focus on the true objectives of the Indo Pacific. In addition, besides the US, the other Quad members are careful in its behavior vis-à-vis the Indo Pacific.

**In conclusion, as much as the rise of the Indo Pacific has grabbed the attention of the international community, the Indo Pacific construct shows formidable challenges to the overall coherence and effectiveness as a successful regionalism. <sup>S</sup>**





## KESELAMATAN MALAYSIA TIMUR DIPERKUKUH DENGAN **INVENTORI BAHARU TLDM**

**OLEH** Lt Nur Asikin binti Johari TLDM  
**FOTO** Markas Pemerintahan Armada Timur

**T**LDM terus memahat sejarah apabila dua buah unit baharu iaitu Stesen Udara Kota Kinabalu (SUKK) dan Skuadron 503 (SKN 503) telah dirasmikan pada 1 Julai 2022. Majlis ini disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu yang turut menyaksikan majlis menandatangani penyerahan aset baharu TLDM iaitu Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW139 daripada Syarikat Galaxy Aerospace Malaysia kepada wakil TLDM.

Melalui kontrak yang telah ditandatangani pada 20 September 2020, sebanyak tiga buah helikopter akan dibekalkan secara berperingkat. Dua buah telah diterima pada April yang lalu dan sebuah lagi dijangka diterima pada September 2022. Helikopter buatan syarikat Leonardo, Itali ini dilengkapi dengan *Radar Telephonic RDR 1700A*, *FLIR Wescam MX-10*, *Search Light Trakka Beam A800*, *Fast Roping Insertion and Extraction System*, Sistem Komunikasi VHF, UHF, HF, Maritime CH16 serta sistem persenjataan *Machine Gun 12.7mm & 7.62mm*. Ia berkeupayaan terbang dalam tempoh tiga jam dengan kelajuan maksimum 167 *knots* dan mampu membawa empat kru dan lapan penumpang dalam setiap masa. Helikopter ini akan digunakan untuk memperkasakan ruang udara dalam operasi maritim seperti *Maritime Domain Awareness (MDA)*, *Over The Horizon Targeting (OHTT)* dan Operasi Pasukan Khas.

Seiring penyerahan inventori terbaharu ini, SKN 503 telah ditubuhkan untuk melicinkan urusan pentadbiran dan pengoperasian HOM serta berperanan sebagai pelaksana latihan bagi meningkatkan kecekapan kru. Manakala SUKK pula berperanan sebagai pengurus *aerodome* memegang fungsi utama dalam pengoperasian helikopter TLDM bagi SKN 601 serta SKN 503 agar sentiasa efisien dan selamat. Kept Mohamad Zamri bin Ismail TLDM dan Kdr Hairul Afikin bin Tukimin TLDM masing-masing telah dilantik sebagai Komander Udara SUKK dan Pegawai Memerintah SKN 503 yang pertama untuk menerajui kecemerlangan kedua buah unit ini. **S**



Perasmian disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan



Kept Mohamad Zamri bin Ismail TLDM sebagai Komander Udara SUKK



Kdr Hairul Afikin bin Tukimin TLDM sebagai Pegawai Memerintah SKN 503



Majlis pembukaan disempurnakan oleh Timbalan Panglima Armada Timur



Wakil TLI melaksanakan Kunjungan Hormat ke atas Panglima Armada Timur

# EKSESAIS SAMUDERA LAKSAMANA 2022

**OLEH** Lt Nur Asikin binti Johari TLDM  
**FOTO** Markas Pemerintahan Armada Timur

**T**entera Laut India (TLI) kembali ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu bagi mengukuhkan hubungan diplomasi antara kedua buah negara dengan penganjuran ekseksais bilateral bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Ekseksais yang dilaksanakan secara *Field Training Exercise* ini telah berlangsung pada 25 sehingga 28 Mei 2022. Kali terakhir kedua-dua negara melaksanakan ekseksais bersama pada September 2019 sebelum dunia dikejutkan dengan wabak pandemik Covid-19.

Ekseksais ini bertujuan meningkatkan pengawasan maritim bersama di samping meningkatkan kebolehpayaan operasi di sekitar Laut China Selatan. Aset TLDM yang terlibat adalah KD PERAK dan KD BADIK manakala aset TLI diwakili oleh INS SAPUTRA.

Aktiviti yang dilaksanakan semasa Fasa Pelabuhan adalah diskusi operasi, sesi pertukaran pandangan *Subject Matter Expert* (SME), sukan dan majlis resepsi. Manakala Fasa Laut pula memfokuskan evolusi peperangan dan navigasi seperti latihan manuvra taktis, pendaratan dek, *Replenishment at Sea Approach* (RASAP) dan penembakan sasaran statik permukaan.

Kejayaan ekseksais ini telah membuka tirai kepada pelbagai lagi ekseksais bilateral yang lain di masa hadapan. TLDM sentiasa optimis dalam meningkatkan profesionalisme dan keupayaan beroperasi melalui latihan bersama angkatan laut negara serantau. Menyokong amanat Panglima Tentera Laut, "We Exist Because of the Fleet", TLDM komited terus memanfaatkan peluang dan ruang yang dapat memperkukuhkan tidak hanya asetnya malahan kesiagaan warganya melalui platform latihan bilateral seperti ini. **S**



Sesi diskusi operasi



Sukan mengeratkan silaturahim di antara kedua angkatan laut



Evolusi RASAP bersama INS SAPUTRA



Latihan pendaratan helikopter di kapal



Latihan pertolongan cemas

# OSTEX EAST SIRI 1/22

## KESIAGAAN TLDM TERUS DIPERTINGKATKAN

OLEH Lt Nur Asikin binti Johari TLDM

FOTO Markas Pemerintahan Armada Timur


**O**STEX East 1/22 telah dilaksanakan pada 14 hingga 24 Mac 2022 secara *Field Training Exercise (FTX)* yang bermula di sekitar Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dan di sekitar perairan Laut China Selatan sebelum berakhir di Kuching, Sarawak.

*Operational Sea Training Exercise (OSTEX)* East merupakan latihan intra TLDM berimpak tinggi yang dikendalikan oleh Markas Pemerintahan Armada Timur. Ekseksai ini adalah sebagai platform mempersiapkan warga *the Navy People* dalam mempraktikkan kemahiran ilmu navigasi, kelautan serta peperangan bagi menghadapi pelbagai situasi ancaman disamping mempertingkatkan kemahiran komunikasi taktikal yang menjadi medium penting dalam pelaksanaan sebarang operasi. Selain itu, objektif strategiknya adalah untuk memperagakan kehadiran aset TLDM di sekitar Zon Maritim Malaysia.

KD PERAK, KD SUNDANG, KD BADIK, KD RENCONG, KD GANAS, KD SERANG, KD TODAK dan KD BAUNG serta sebuah kapal selam, sebuah helikopter Fennec,

sebuah pesawat *Unmanned Aerial Surveillance (UAS)* Scan Eagle dan dua buah pesawat Hawk milik TUDM telah menjayakan latihan ini.

Majlis pembukaan, taklimat utama ekseksai, perbincangan operasi, kuliah pengukuhan, diskusi operasi dan taklimat pra pelayaran dilaksanakan semasa Fasa Pelabuhan bermula 14 hingga 16 Mac 2022. Seterusnya, latihan Fasa Laut dilaksanakan pada 17 hingga 22 Mac 2022 di perairan Laut China Selatan dalam pelbagai situasi ancaman merangkumi siri navigasi termasuk manuvra taktis, penembakan statik permukaan serta pendaratan helikopter.

Dalam Majlis Penutup di Kuching, Sarawak, Panglima Armada Timur menegaskan bahawa latihan ini merupakan platform terbaik untuk memperagakan kehadiran TLDM di Malaysia Timur, tidak hanya di Sabah malahan untuk memperkasa sempadan perairan Malaysia di Sarawak. Justeru, setiap warga perlu kekal fokus dan komited dalam mempertingkatkan kemahiran sendiri. 



Latihan berterusan meningkatkan kesiagaan warga dan Armada



Evolusi Manuvera Taktis

# PERANG PANGKOR

## PERKASA KEUPAYAAN SKUADRON KORVET KE-24

OLEH Bahagian Komunikasi Strategik, MPA Barat

KD LAKSAMANA TAN PUSMAH, KD LAKSAMANA HANG NADIM dan KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dari Skuadron Korvet ke-24 bersama aset sokongan iaitu *Fast Combat Boat* telah melaksanakan Latihan Perang Pangkor Siri 30/22 di sekitar perairan Selat Melaka. Objektif latihan ini adalah untuk melatih dan menilai tahap keupayaan aset serta kecekapan *the Navy People* di Armada Barat semasa beroperasi di laut. Sebanyak 4 siri latihan dalam disiplin ilmu kelautan, navigasi dan kecemasan telah dilaksanakan dalam eksekusi ini.

Selain untuk memperkukuhkan kesiagaan Armada, latihan Perang Pangkor ini juga bertujuan untuk memperagakan kehadiran aset pertahanan TLDM dan melindungi kepentingan maritim di perairan Selat Melaka. **S**



Latihan rawatan kecemasan

# OP PATKOR MALINDO 156/22

## TINGKAT KERJASAMA MENJAGA PERAIRAN SELAT MELAKA

OLEH Lt Che Nur Ashman bin Che Anuar TLDM  
FOTO P/LK PNK Muhammad Asyraf bin Azni

Ikatan kerjasama pertahanan maritim bersama di antara TLDM dan Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut (TNI-AL) terus ditingkatkan menerusi pelaksanaan Operasi Patrol Koordinasi Malaysia-Indonesia (Op PATKOR MALINDO) 156/22 di perairan Selat Melaka.

Majlis pembukaan telah dilaksanakan pada 16 Jun 2022 di Belawan, Indonesia. Operasi ini berlangsung sehingga 29 Jun 2022 melibatkan KD LAKSAMANA HANG NADIM dan KD KINABALU manakala aset TNI-AL diwakili oleh KRI BUBARA dan KRI LEPU.

Majlis Penutup Op PATKOR MALINDO 156/22 telah disempurnakan oleh Kepten Erman Shahril bin Adlan TLDM, Ketua Staf MAWILLA 3 di Dewan Tun Rahah, Markas Wilayah Laut 3, Langkawi pada 29 Jun 2022. Turut hadir Kolonel Laut (P) Mochamad Andri Wahyu Sudrajat, Atase Laut Republik Indonesia, Letnan Kolonel Laut (P) Bambang Rudi Raharjo, Paban Ops Gugus Keamanan Laut (GUSKAMLA) serta Kdr Segar Muniandy TLDM, Ketua Pegawai Staf Operasi MPA Barat merangkap Ketua Gugus Tugas. Acara penutup ini juga turut melibatkan beberapa aktiviti lain iaitu Kunjungan Hormat, perbincangan Pegawai Operasi dari kedua-dua negara, acara sukan dan diakhiri dengan Majlis Malam Mesra. **S**



Di antara peserta yang terlibat



Ketua Staf MAWILLA 3 bersama Atase Laut Republik Indonesia





# KEJAYAAN PENAMAAN FITUR DASAR LAUT (FDL) DI BAWAH *SUB-COMMITTEE ON UNDERSEA FEATURE NAMES (SCUFN)*


OLEH Cawangan Geospasial Marin, Pusat Hidrografi Nasional

**S**ub-Committe On Undersea Feature Names (SCUFN) merupakan jawatankuasa khas yang ditubuhkan di bawah *Joint International Hydrographic Organisation (IHO) - Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC) Guiding Committee for the General Bathymetric Chart of the Oceans (GEBCO)*. Ianya bertanggungjawab untuk menyemak, melulus dan menyeragamkan istilah geografi dan nama fitur dasar laut yang dikemukakan oleh pejabat hidrografi, agensi atau organisasi yang terlibat dalam penyelidikan marin atau pengukuran hidrografi.

Persidangan SCUFN yang ke-35 telah berlangsung pada 14 hingga 18 Mac 22 secara hybrid di Paris, Perancis. Timbalan Panglima Armada Timur, Laksmana Pertama Dr Najhan bin Md Said telah menghadiri persidangan tersebut yang mana merupakan ahli tetap SCUFN yang telah dilantik oleh IHO untuk penggal 2018 hingga 2023. Persidangan telah berlangsung selama 4 hari melibatkan peserta yang terdiri daripada 11 ahli tetap

dalam kalangan negara ahli IHO dan IOC serta wakil-wakil negara pencadang (proposer) yang telah memajukan cadangan penamaan Fitur Dasar Laut (FDL) dan negara pemerhati (observer). Pusat Hidrografi Nasional (PHN) telah menyertai persidangan tersebut secara atas talian yang mana bertindak dalam penghujahan seterusnya mempertahankan proposal yang telah dimajukan oleh Malaysia kepada SCUFN.






FDL yang telah berjaya digazet dan diluluskan di LCS

Penglibatan PHN selaku agensi kerajaan yang diberikan mandat untuk menguruskan keperluan penamaan FDL di dalam perairan negara serta bertindak sebagai negara pencadang (proposer) bagi penamaan FDL Malaysia. Terdapat 11 cadangan penamaan FDL yang telah dimajukan pada 20 Sep 20 yang lalu. Persidangan telah memutuskan 8 penamaan FDL diterima manakala 3 lagi ditangguhkan disebabkan cadangan penamaan FDL tersebut bertindih dengan cadangan penamaan FDL Filipina dan keperluan penambahbaikan terhadap liputan data batimetri penamaan FDL yang telah dimajukan. Secara keseluruhan sebanyak 15 FDL telah berjaya digazetkan dan diluluskan melalui SCUFN.

**Sebagai agensi tunggal dalam mengumpul data-data pengukuran hidrografi, PHN akan bergiat secara aktif dalam menyemak dan mencari FDL baharu seterusnya menyediakan cadangan penamaan FDL baharu kepada SCUFN mengikut prosedur dan ketetapan yang telah digariskan. Pengukuran hidrografi turut dipergiatkan**

**yang menumpukan kawasan Laut China Selatan (LCS) melalui penyewaan platform ukur hidrografi bagi tujuan mengumpul data batimetri di dalam perairan negara.**

Kejayaan ini merupakan satu keputusan yang amat membanggakan seterusnya membuktikan PHN sebagai penguat kuasa hidrografi negara yang dipertanggungjawabkan dalam penamaan FDL di Malaysia. Nama fitur yang telah diluluskan akan digazetkan secara rasmi untuk digunakan bagi tujuan pencartaan. 



Persidangan Sub-Committee On Undersea Feature Names (SCUFN)

China mengerahkan sejumlah aset melaksanakan latihan ketenteraan

# PERCATURAN KUASA-KUASA BESAR DI LAUTAN SERANTAU **RETAK MENANTI BELAH?**

OLEH Nazery Khalid

Nazery Khalid berkongsi naratif peribadi beliau tentang percaturan kuasa-kuasa besar di lautan di rantau ini dan mengunjurkan impaknya kepada keselamatan maritim serantau.

## **Lautan Serantau Bergelora**

Kebelakangan ini, beberapa perkembangan melibatkan dua kuasa besar dunia semakin meningkatkan 'suhu' geo-politik dan geo-strategik di lautan di rantau Asia Pasifik yang menjadi pentas percaturan mereka.

Perhatian masyarakat antarabangsa tertumpu khususnya ke Laut China Selatan yang merupakan laluan maritim yang penting kepada kapal-kapal dagangan, perikanan dan tentera. Lautan ini menjadi gelanggang di mana kuasa-kuasa besar ini menunjukkan 'belang' masing-masing dalam menegakkan kepentingan masing-masing dan mempamerkan kehebatan tentera mereka.

Tiada rahsia yang kuasa-kuasa besar yang dimaksudkan ialah China dan Amerika Syarikat (AS). Hubungan antara

mereka yang sudah sedia renggang semakin merosot kebelakangan ini. Lautan serantau menjadi 'papan catur' tempat mereka menunjukkan kuasa dan 'taring' masing-masing.

China menganggap hampir keseluruhan Laut China Selatan sebagai wilayahnya. Ini berdasarkan tuntutan yang disebut sebagai *nine dotted lines* atau sembilan garisan terputus yang berdasarkan sejarah. Beijing percaya hujah berlandaskan fakta masa lampau memberi hak kepadanya untuk menuntut keseluruhan lautan yang kaya dengan sumber perikanan dan tenaga ini sebagai wilayah kedaulatannya. Tuntutan ini tidak diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa dan dianggap sebagai tidak sah dari segi perundangan kelautan antarabangsa.



Antara pulau buatan yang dibina sebagai kubu tentera China

Namun China tidak berselindung dalam mempertahankan tuntutan di laut ini secara agresif. Dalam sedekad kebelakangan ini, *People's Liberation Army (PLA)* atau Tentera Pembebasan Rakyat China telah mengambil beberapa langkah seperti membina pulau-pulau *artificial* dan melengkapkan beberapa pulau dengan infrastruktur dan peralatan ketenteraan. Ini termasuklah senjata anti-kapal dan anti-pesawat serta landasan untuk pesawat-pesawat tenteranya mendarat malah untuk melancarkan latihan operasi ketenteraan dan simulasi penaklukan pulau yang ramai pemerhati percaya merujuk kepada Taiwan ROC.

Kapal-kapal PLA sering menjalankan rondaan secara agresif di perairan antarabangsa dan *high seas* dengan cara yang boleh menggugat kebebasan navigasi negara-negara lain. Hak ini diperuntukkan oleh *United Nations Convention on the Law of the Seas (UNCLOS)* yang menjadi teras perundangan maritim antarabangsa dan perlembagaan penggunaan samudera. Kapal-kapal tentera dan agensi maritim China malah dilaporkan sering memasuki perairan Zon Eksklusif Ekonomi negara-negara pesisir di Laut China Selatan termasuk Malaysia sendiri. Namun Beijing tidak endah terhadap keluhan dan bantahan diplomatik negara-negara terbabit terjadap aksinya ini.

China malah tidak takut untuk bersemuka dengan tentera laut AS di Laut China Selatan. Dunia maklum yang AS tidak selesa dengan kebangkitan China sebagai kuasa baru yang semakin tampak berupaya mencabar dominasi Washington di lautan rantau ini dan juga di pentas global. AS sentiasa mengingatkan China yang kebebasan pelayaran di lautan ini dan perairan serantau merupakan hak antarabangsa yang harus dipelihara.

Kapal-kapal AS sentiasa menjalankan rondaan dan operasi di lautan ini dan kehadiran mereka sangat tidak disenangi oleh China. Beijing menuduh Washington sengaja mencetuskan provokasi di rantau ini dengan menjalankan *naval operations* di lautan yang dituntutnya. AS menegaskan yang ia dan negara-negara lain berhak

untuk menjalankan rondaan *Freedom of Navigation Operations (FONOP)* secara *routine* di Laut China Selatan yang konsisten dengan perundangan antarabangsa.

## Taiwan ROC – Api Dalam Sekam

Kita maklum yang Taiwan ROC menjadi antara *sore point* utama dalam hubungan diplomatik China dengan Amerika Syarikat. Beijing melihat Taiwan ROC yang mentadbir dirinya sendiri sebagai sebuah wilayah *breakaway* yang menjadi sebahagian dari China.

Taiwan ROC menjadi sumbu yang berkemungkinan menyalakan konflik besar-besaran antara dua kuasa besar dunia ini. Kedua-dua pihak sedang 'sibuk' dengan pelbagai langkah untuk mengukuhkan kehadiran masing-masing di Selat Taiwan dan perairan lain di sekeliling Taiwan ROC serta memberikan *hint* yang masing-masing tidak akan duduk diam bila dicabar.

Di samping rondaan FONOP oleh tentera laut AS di Laut China Selatan, Washington juga 'menaikkan suhu' di perairan ini dan dalam hubungannya dengan Beijing melalui aksi-aksi bukan ketenteraan. Pada bulan Januari 2022, Naib Presiden AS Kamala Harris bertemu dengan Timbalan Presiden Taiwan ROC William Lai di Honduras yang mencetuskan kemarahan Beijing. Terbaru, China bertindak keras bila Speaker Dewan Perwakilan atau *House of Representatives* AS, Nancy Pelosi mengadakan lawatan ke Taiwan ROC dalam siri lawatan beliau ke rantau Asia Pasifik pada awal bulan Ogos 2022. Pelosi merupakan pengkritik lantang China sepanjang karier beliau dalam kongres AS, terutamanya rekod hak kemanusiaan Beijing. Tidak hairanlah yang beliau dilihat oleh China sebagai seorang pemimpin AS yang *hostile* terhadapnya.



Lawatan Pelosi ke Taiwan ROC meningkatkan ketegangan China dan Amerika Syarikat

Langkah Pelosi melawat Taiwan ROC ini meningkatkan lagi amarah Beijing terhadap AS setelah enam penggubal undang-undang AS melawat Taipei pada bulan April 2022. Presiden AS Joe Biden juga berkata Washington akan 'campurtangan' sekiranya Beijing melancarkan operasi ketenteraan untuk menakluk Taiwan ROC. Ini merupakan

pengumuman yang sensasi kerana AS mengamalkan dasar *One China* yang mengakui Taiwan ROC sebagai sebahagian dari wilayah China dan tidak menyokong sebarang langkah memerdekakannya dari Beijing.

Beijing tidak berselindung dibalik bahasa diplomatik dengan menyatakan yang AS akan dipertanggungjawabkan terhadap apa jua kesan serius hasil lawatan Pelosi itu. Seorang jurucakap Kementerian Pertahanan China malah menekankan yang PLA tidak akan duduk diam dan mengambil 'langkah tegas' untuk menghalang campurtangan luar dan percubaan untuk memerdekakan Taiwan ROC. Susulan lawatan itu, China telah melancarkan apa yang disebutnya sebagai 'latihan ketenteraan' dengan mengerahkan kapal-kapal perang serta pesawat-pesawat tenteranya mengepung perairan dan ruang udara Taiwan ROC.

## Strategi China di Perairan Serantau

Kita maklum yang Beijing tidak berkompromi dalam menegakkan tuntutan maritimnya. Ia tidak segan-segan menunjukkan kekuatan ketenteraannya dalam mempertahankan apa yang disebut sebagai *sovereign territory* atau wilayah kedaulatannya di Laut China Selatan yang juga dituntut oleh beberapa pihak lain. Beijing malah mengambil pendirian tidak endah kepada perundangan kelautan antarabangsa yang tidak mengiktiraf tuntutannya yang tidak berdasarkan *rule of law* atau norma-norma tuntutan wilayah maritim yang mejadi amalan masyarakat antarabangsa.

Ia juga menggunakan kekuatan politiknya untuk menekan negara-negara yang mempunyai tuntutan di laut ini untuk tidak bersekongkol dan menggunakan pelantar *multilateral* dalam menegakkan tuntutan mereka. Beijing berkeras yang perbalahan kewilayahan dan tuntutan di Laut China Selatan perlu diselesaikan melalui rundingan bilateral bukan isu antarabangsa. Strategi ini tentunya memberikan kelebihan kepada China yang merupakan dagangan penting bagi negara-negara yang mempunyai tuntutan di laut ini. Ia boleh menggunakan kuasa ekonomi dan dagangan sebagai senjata bagi mengenakan tekanan ke atas negara-negara tersebut dalam isu tuntutan wilayah maritim. Strategi *divide and conquer* yang diamalkannya juga bertujuan melemahkan negara-negara yang mempunyai tuntutan dan mengasingkan mereka dari platform *multilateral* supaya tidak membincangkan isu itu di peringkat antarabangsa.

Aksi China mempertahankan tuntutan maritimnya dan reaksi negara-negara lain terutamanya AS terhadapnya dikuatiri bakal mencetuskan konflik maritim besar-besaran di perairan rantau ini. Insiden seperti persemukaan kapal-kapal perang China dan AS secara *hostile* serta aksi-aksi provokatif kedua-dua belah pihak dikuatiri akan menyalakan sumbu kemarahan masing-masing yang bakal meledak menjadi pertentangan ketenteraan. Ini tentunya akan mendatangkan kesan

buruk kepada kepentingan dagangan, ekonomi dan strategik negara-negara serantau dan ekonomi dunia amnya yang bergantung kepada laluan terbuka di lautan sebelah sini bagi memudahcarakan dagangan.

Tindakan China dalam tempoh sedekad kebelakangan ini membina infrastruktur dan keupayaan ketenteraan serta reaksinya terhadap lawatan Pelosi ke Taiwan ROC menunjukkan sikap tidak bertolak ansurnya dalam memelihara kepentingan dan mempertahankan tuntutan kewilayahannya. Pesawat-pesawat tentera dan drones China diberitakan pernah memasuki *Air Defense Identification Zone* (ADIZ) atau Zon Pengenalan Pertahanan Udara Taiwan ROC. Tindakan mengepung Taiwan ROC dan mengadakan *military drills* sebagai reaksi lawatan Pelosi merupakan satu amaran lantang yang ia tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ketenteraan sekiranya Taiwan ROC berhasrat untuk berpisah dari China.

Nampak gayanya kita di wilayah ini terpaksa menghadapi China yang sudah tercabar egonya dan terguris perasaannya. Ini terhasil akibat sikap AS yang terus menganggap kerangka kuasa di dunia kini harus berkiblatkan ke arah Washington sebagai kuasa *unipolar* yang tiada tandingannya. AS juga terus berada dalam situasi *in denial* yang China semakin berkembang kuasa dan pengaruhnya dan sepatutnya diakui sebagai kuasa baru dunia. Kebangkitan China menuntut kepentingan dan pandangannya diambilkira dan tidak ditolak tepi sahaja, apatah lagi di rantau ini di mana ia merupakan kuasa tempatan yang besar pengaruhnya.

Susulan reaksi China dalam 'menghukum' Taiwan ROC kerana menjadi tuan rumah lawatan kontroversi Pelosi, kita boleh mengunjurkan yang China akan mengambil sikap yang lebih keras dalam perlakuan dan strateginya di Laut China Selatan. China dilihat akan terus mengeneipkan kaedah rundingan dalam tuntutan kewilayahan dan akan menggunakan provokasi AS sebagai alasan untuk mengamalkan pendekatan *belligerent* atau berdegil dalam perilakunya di lautan serantau.

Ini tentunya menzahirkan senario yang amat tidak ideal bagi negara-negara yang mempunyai tuntutan wilayah di lautan ini yang juga mempunyai kebergantungan tinggi terhadapnya bagi kesejahteraan sosio-ekonomi dan kepentingan strategik mereka. Keselamatan maritim merupakan antara tunjang kepada kestabilan dan pertumbuhan ekonomi di Asia Pasifik amnya dan Asia Tenggara. Oleh itu, adalah penting yang penyelesaian konflik di antara kuasa-kuasa besar di lautan ini segera dicari sebelum ia menjadi semakin parah.

## Langkah kehadapan

Lautan tidak mengenal sempadan. Ancaman keselamatan maritim di mana jua di wilayah ini akan lambat laun dirasakan oleh atau 'berjangkit' ke negara-negara pesisir

seterusnya ke masyarakat antarabangsa kerana semuanya bergantung kepada kebebasan pelayaran di lautan. Jadi amatlah penting yang pihak-pihak berkepentingan termasuk kuasa-kuasa besar mengamalkan sikap toleransi dan meletakkan kepentingan umum mengatasi kepentingan peribadi dalam menegakkan kepentingan maritim mereka.

Berdasarkan hal ini, adalah penting yang hak pelayaran melalui perairan antarabangsa di rantau ini terjamin seperti yang termaktub dalam perundangan antarabangsa. Dalam situasi runcing yang terhasil dari percaturan antara China dengan AS sekarang, amatlah penting yang kedua-dua pihak berhenti dari mengambil langkah-langkah yang boleh dikira sebagai provokatif dan mengancam keselamatan serantau. Mereka harus segera bertemu di meja rundingan dan menyelesaikan perbalahan di antara mereka secara diplomatik berdasarkan *rule of law*.

AS harus mengekang kecenderungannya untuk campur tangan dalam isu-isu di luar sempadannya serta mengamalkan sikap *exceptionalism* dalam menegakkan kepentingannya di rantau ini. Ia harus berhenti dari menjolok sarang tebusan dan menaikkan amarah China. Negara Tembok Besar itu sendiri harus meningkatkan *diplomatic engagement* dengan AS dan negara-negara lain di rantau ini, bukan mengambil sikap *self-righteous* dan tidak berkompromi dalam mempertahankan tuntutannya dan kedaulatan wilayahnya. Kedua-dua kuasa besar ini harus menarik nafas sedalam-dalamnya dan segera mencari jalan penyelesaian pertelingkahan antara mereka melalui rundingan dan usaha diplomatik. Berdasarkan kekuatan tentera masing-masing, pertembungan antara mereka akan menghasilkan akibat buruk yang tidak dapat kita bayangkan kepada keselamatan serantau dan global.

Kita 'pemain-pemain kecil' di rantau ini amat berharap yang kuasa-kuasa besar berkerjasama mengekalkan keselamatan di rantau ini terutamanya di lautan. Dalam hal ini, kita berharap platform multilateral seperti Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), *ASEAN Regional Forum* dan *Shangri-La Dialogue* boleh memainkan peranan aktif untuk menjadi pengantara untuk 'menyejukkan suhu' percaturan kuasa-kuasa besar di rantau ini. Inilah masanya untuk pemimpin-pemimpin serantau menunjukkan *statecraft* dan skil diplomatik mereka untuk meyakinkan kuasa-kuasa besar yang bertelagah untuk mencari penyelesaian secara damai dan tidak mencetuskan konflik di wilayah kita ini.

Persekitaran dinamik dan kompleks serta pelbagai perkembangan yang sukar diramalkan menuntut pihak-pihak berkepentingan untuk segera mengambil langkah bersama bagi memastikan lautan di rantau ini terbuka, selamat dan terpelihara untuk kegunaan dan manfaat semua. Apatah lagi dengan peningkatan *tension* susulan lawatan Pelosi ke Taiwan ROC dan reaksi 'menyinga' China terhadapnya. Tanpa perairan yang selamat, bersih, bebas dan terkawal, aktiviti-aktiviti 'ekonomi biru' di lautan

sekeliling tidak dapat dijalankan. Ini bakal membawa kesan buruk kepada negara kita dan rantau ini yang tinggi kebergantungannya terhadap dagangan maritim, sumber minyak dan gas pesisir, pelabuhan, perikanan, pembinaan/pembaikan kapal dan pelbagai kegiatan lain dalam industri maritim.

Penulis menyeru semua pihak mengamalkan sikap *restraint* dan toleransi dalam menghadapi situasi yang semakin genting ini. Seandainya sekatan yang dikenakan China ke atas Taiwan ROC berterusan, adalah dikhawatirkan yang ekonomi serantau yang masih *struggling* untuk pulih susulan redanya pandemik Covid-19 akan menerima kesan buruk. Sekarang ini pun pelbagai industri masih merasakan kesan kekurangan semikonduktor dan cip mikro keluaran Taiwan ROC yang merupakan negara pengeluar cip mikro terbesar di dunia dengan 50% syer pasaran global akibat kekangan *supply chain* dan kelembapan pengeluaran yang masih terasa akibat pandemik. Sekiranya situasi antara hubungan China dan AS semakin buruk dan Taiwan ROC terus menjadi mangsa sekatan Beijing, ekonomi dunia yang tinggi kebergantungannya terhadap cip mikro akan merana. Ekonomi Malaysia juga tentunya akan turut terpalit kerana Taiwan ROC merupakan rakan dagangannya yang kelima terbesar dan rakan dagangan Taiwan ROC ketujuh terbesar. Bagi Malaysia, ini menjadi antara *priority* kita dalam memastikan yang kepentingan sosio-ekonomi dan strategik negara terjamin.

Cabaran memelihara kebebasan dan keselamatan perairan serantau amatlah besar dalam keadaan yang sangat rumit dan getir kini. Menanganinya secara berkesan memerlukan komitmen tinggi, pendekatan menyeluruh serta kerjasama rapat antara kuasa-kuasa besar serta pihak-pihak yang relevan untuk meletakkan kepentingan bersama mengatasi kepentingan nasional masing-masing.

Usaha berterusan harus diambil untuk memastikan yang konflik di antara kuasa-kuasa besar di lautan rantau ini ditangani dan diselesaikan melalui pendekatan berdasarkan rundingan diplomatik dan perundangan (*rules based*). Langkah-langkah *confidence building* dan *preventive diplomacy* harus digerakkan segera bagi membolehkan dialog dan kerjasama serantau di pelantar multilateral diadakan bagi meredakan ketegangan di perairan rantau ini. Tanpa lautan dan laluan perkapalan yang selamat dan terpelihara dari pelbagai ancaman maritim yang dibincangkan, dagangan maritim dan aktiviti-aktiviti 'ekonomi biru' yang menjadi nadi pertumbuhan ekonomi dunia akan terganggu dan kepentingan semua pihak akan terancam. S

---

*Penulis merupakan penganalisa maritim yang telah menerbitkan lebih 300 artikel mengenai pelbagai topik dalam bidang ini di majalah, akhbar serta online. Beliau mengalu-alukan maklumbalas pembaca budiman dan boleh dihubungi di nazerykhalid@gmail.com*

# RMN METOC CENTRE

## PUSAT MAKLUMAT METEOROLOGI OSEANOGRAFI PERTAHANAN

OLEH Cawangan METOC Pertahanan

**K**epentingan data Meteorologi dan Oseanografi atau **METE**orology and **OC**eanography (METOC) di dalam memenuhi objektif operasi Armada TLDM tidak boleh dinafikan. Ianya telah dibuktikan secara saintifik dan mempunyai pengaruh serta impak yang besar kepada pengoperasian sistem persenjataan, akustik dan pelaksanaan sesuatu operasi. Elemen ini juga menjadi faktor penentu kepada kegagalan atau kejayaan sesuatu operasi kerana ianya terdedah secara langsung kepada persekitaran laut dan atmosfera yang dinamik.

Berdasarkan BRL 2020 - Manual Operasi Maritim, tugas dan tanggungjawab untuk menyediakan maklumat METOC bagi keperluan Markas Operasi dan Armada TLDM adalah di bawah tanggungjawab Pusat Hidrografi Nasional (PHN). Sesuai dengan tugas dan tanggungjawab PHN, struktur awal penubuhan Sel METOC TLDM telah mengambil contoh dari perkhidmatan METOC Pertahanan yang telah diwujudkan oleh Tentera Laut Diraja Australia dan dimurnikan dengan keperluan TLDM.

Seiring dengan kemajuan sistem komunikasi TLDM, penyampaian maklumat METOC yang dikeluarkan oleh PHN bukan sahaja dibuat melalui kawat, bahkan turut disalurkan melalui platform PX2000.NC2 dan juga C4ITacX V2.0. Penyampaian maklumat METOC melalui kedua-dua platform ini dilihat lebih efisien dan menepati keperluan operasi Armada TLDM. Namun, masih terdapat keperluan penyampaian maklumat ramalan cuaca yang masih lagi dikeluarkan oleh Pejabat Meteorologi Markas Pemerintahan






Armada Barat (MPAB) melalui kawat harian. Amalan ini dilihat tidak lagi bersesuaian setelah penstrukturan semula Armada TLDM kepada dua Markas Pemerintahan iaitu Armada Timur (MPAT) dan juga MPAB. Penyampaian maklumat ramalan cuaca daripada satu sumber yang diiktiraf dan diperakui dilihat lebih bersesuaian untuk kegunaan bagi kedua-dua armada.

Kini, keupayaan tersebut telah dipertingkatkan dengan penubuhan RMN METOC Centre (RMNMC) sebagai pusat sehati maklumat meteorologi oseanografi pertahanan. Dengan kejayaan memeterai Nota Kerjasama Strategik (NKS) antara TLDM dan MET Malaysia yang ditandatangani pada 9 November 2020 di PHN, titik permulaan RMNMC dilihat berada dilandasan yang tepat. METMalaysia telah bersetuju untuk memberikan sokongan dalam bentuk khidmat nasihat, perkongsian data dan latihan kepada

TLDM. Dengan mengambil kira keperluan TLDM dan kepentingan negara, METMalaysia juga telah memberikan bantuan yang berterusan kepada TLDM sejak tahun 2003 dan telah berjaya membantu PHN untuk membangunkan keperluan tersebut secara berperingkat.

Bagi keperluan semasa, PHN telah mengkoordinasikan penugasan pegawai dan anggota yang diperjawatkan di Seksyen Informasi METOC secara 24 jam bagi menentukan penyaluran maklumat dapat dibuat secara komprehensif dan menyeluruh dalam menyokong operasi atau eksekusi yang dikendalikan oleh TLDM dan juga ATM. Maklumat yang disampaikan ini tidak terhad kepada keperluan operasi sedia ada, tetapi turut meliputi keperluan Op CARILAMAT, pengoperasian kapal selam TLDM, eksekusi unilateral, bilateral atau multilateral, pelayaran ke luar negara dan penganjuran aktiviti di pangkalan TLDM. ⑤



Faktor Dinamik Persekitaran



Pelancaran salah satu inisiatif ekonomi secara online


# EKSPLO USAHAWAN VETERAN TLDM 2022

OLEH Lt Nor Aliza binti Datuk Haji Ali TLDM (Bersara)  
 FOTO Koleksi PVTLDM Cawangan Kuala Lumpur

**P**ersatuan Veteran TLDM Cawangan Kuala Lumpur (PVTLDM CKL) telah menganjurkan Ekspo Usahawan Veteran (EUV) TLDM 2022, bertemakan “REVOLUSI SAUDAGAR VETERAN” pada 26-27 Mac 2022 bertempat di Malakat Mall, Cyberjaya dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

Sesuai dengan aspirasi PVTLDM CKL iaitu “KEBAJIKAN DIUTAMAKAN, EKONOMI DIPERKASAKAN”, tujuan utama penganjuran EUV adalah untuk memberikan peluang kepada usahawan veteran terlibat mengetengahkan produk dan perniagaan masing-masing kepada pasaran komersial yang lebih meluas.

EUV yang julung kalinya diadakan ini telah melibatkan 64 usahawan veteran daripada ketiga-tiga perkhidmatan dan juga agensi kerajaan serta swasta yang lain. Panglima Angkatan Tentera, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Haji Affendi bin Buang di dalam ucapan perasmian, telah menyeru dan menggesa semua pertubuhan veteran untuk mencontohi inisiatif yang telah dijalankan ini demi memperjuangkan keinginan veteran ATM untuk berubah dan berdaya saing.

EUV ini telah mencapai objektifnya dan membuktikan bahawa pihak korporat lebih terbuka untuk bekerjasama dengan veteran berbanding hanya memberi derma secara semata-mata. 



Slot Biz Talk



YBhg PTL berkunjung ke Ekspo



Latihan Penembakan Senjata di Lapang Sasar

Latihan menembak jarak jauh Latihan Abseiling and Rappelling

# PSSTLDM

## KEMBALI AKTIF

OLEH Lt M Goh Chee Phang PSSTLDM

**P**andemik Covid-19 yang melanda nyata memberi impak luar biasa terhadap kesan pelaksanaan latihan dan aktiviti Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM). Tahun baharu 2022 telah memberi sinar baru kepada warga PSSTLDM untuk merencana program latihan yang lebih bermakna demi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pasukan. Sepanjang penggal pertama tahun 2022, sebanyak 35 aktiviti telah dilaksanakan.

Sebanyak 2 aktiviti *Onboard Training Programme* dilaksanakan bersama KLD TUNAS SAMUDERA di Perairan Melaka Utara pada 7 hingga 13 Februari 2022 dan KD GAGAH SAMUDERA di Perairan Sandakan dan Laut Sulu pada 1 hingga 7 Jun 2022. Program yang melibatkan 24 pegawai dan 9 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) telah memberi peluang kepada warga PSSTLDM untuk mengikuti rutin pelayaran dan memahami tugas teras seorang anggota TLDM.

Aktiviti *Fitness Orientation and Mental Development Exercise (FOMDEX)* telah dilaksanakan oleh PSTL Sandakan pada 24 hingga 27 Februari 2022 bertempat di Silam Coast, Lahad Datu manakala PSTL Setiu pada 31 Mac hingga 2 April 2022 bertempat di Lata Changkah, Ulu Seladang yang melibatkan 108 orang peserta. Aktiviti ini bertujuan untuk menguji ketahanan fizikal dan mental pelatih, serta menerapkan semangat kerjasama berpasukan.

Di samping itu sebanyak 8 aktiviti bersama agensi awam serta 23 kursus di unit-unit PSSTLDM seluruh Malaysia telah dilaksanakan. **S**



Latihan Pengendalian Bot



Latihan Kawad Kaki



# KEUNGGULAN PENEMBAK TEPAT (SNIPER) PASKAL

Perubahan teknologi persenjataan telah membawa kepada perubahan cara dan konsep untuk menangani ancaman. Kebanyakan negara menggunakan pasukan khusus untuk mencapai kejayaan dalam operasi yang dilaksanakan, di antaranya penggunaan *sniper*. Peranan utama *sniper* adalah memberi tembakan yang tepat pada jarak yang jauh dalam kedudukan yang sukar ke atas sasaran penting dan menetralkan anggota penting musuh.

## KURSUS ASAS SNIPER PASKAL

Kursus Asas *Sniper* dilaksanakan oleh Pusat Latihan Pasukan Khas Laut KD PANGLIMA GARANG (KDPG) bagi melatih anggota PASKAL dan PASKAU TUDM serta agensi luar iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Unit Tindak Khas (UTK) PDRM. Ianya dilaksanakan selama 10 minggu dengan objektif berikut:

- Mengiktiraf dan melayakkan penuntut kursus sebagai seorang anggota *sniper*.
- Memberi pendedahan kepada penuntut mengenai taktik dan teknik pelaksanaan latihan serta operasi yang mana melibatkan Operasi Khas mahupun Operasi Melawan Keganasan sesuai dengan peredaran masa dan keperluan operasi pasukan.
- Membolehkan anggota penuntut berupaya melaksanakan operasi atau latihan *sniper* serta bertindak dalam apa jua situasi dan keadaan medan yang terhad.
- Meningkatkan kemahiran ilmu medan perang anggota, teknik gerakan *sniper* serta mengkoordinasikan pelaksanaan latihan dan operasi yang melibatkan tugas-tugas anggota *sniper*.
- Memupuk semangat kerjasama serta tanggungjawab terhadap tugas secara berpasangan dan berkumpul.

Kursus ini merangkumi beberapa modul teras kepakaran *sniper*. Antara modul-modul yang diterapkan kepada penuntut merangkumi perubahan tempur, pengenalan sejarah *sniper*, pengenalan senjata, *stalking*, membaca peta dan pandu arah darat, mengagak jarak, praktikal *operation build in up area* dan kubu persembunyian.

Bagi menentukan semua penuntut benar-benar layak bergelar seorang *sniper*, beberapa siri ujian penembakan senjata dilakukan. Ujian penembakan ini adalah medan bagi penuntut untuk mempraktikkan segala pelajaran teori yang telah disampaikan untuk menjadi seorang penembak yang mahir. Di antara ujian penembakan yang dilaksanakan adalah penembakan di laut dan penembakan dari atas pesawat.

Secara amnya anggota tim *sniper* perlu melaksanakan latihan berterusan bagi mempertingkatkan kemahiran individu mereka. Ini penting supaya anggota mempunyai keyakinan yang tinggi untuk melaksanakan misi atau tugas yang dipertanggungjawabkan. **S**

APLIKASI

# MyWIRA

**KEMUDAHAN PENCARUM  
DI HUJUNG JARI !**

**Muat Turun  
Sekarang !**

Muat turun di



**DAFTAR  
SEKARANG!**



## CIRI UTAMA MyWIRA



### PENYATA CARUMAN

Membolehkan anda melihat maklumat akaun caruman LTAT tahun semasa dan tahun sebelumnya



### PENGELUARAN

Semak permohonan pengeluaran anda, sejarah transaksi pengeluaran, senarai semak dokumen pengeluaran caruman dan maklumat kontak kecemasan anda



### PROGRAM MANFAAT

Akses tawaran dan promosi eksklusif oleh anak syarikat dan rakan kongsi LTAT



### LAMAN WEB LTAT

Layari [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)



### PENGUMUMAN

Hebahan terbaru dari KEMANTAH, ATM dan LTAT



### HUBUNGI KAMI

☎ 1300 88 5828  
✉ [pencarum@ltat.org.my](mailto:pencarum@ltat.org.my)



### UNIT AMANAH

Mengakses maklumat mengenai akaun unit amanah anda dan pautan semakan dana Affin Hwang



### MyRA CHATBOT

Chatbot kami, MyRA sentiasa bersedia memberikan maklumat mengenai pengeluaran caruman LTAT dan senarai soalan lazim kami



### YAYASAN LTAT

Maklumat Dermasiswa anak anda dan banyak lagi

## CARA MENDAFTAR

1

### MUAT TURUN

Muat turun aplikasi MyWIRA ke peranti mudah alih anda

2

### DAFTAR

Tekan DAFTAR untuk mendaftar sebagai pengguna

3

### ISI BUTIRAN

Isikan butiran diri yang tepat (Pastikan nombor telefon pintar dan emel yang digunakan adalah aktif)

4

### KOD PENGESAHAN

Isikan KOD PENGESAHAN yang telah dihantar ke nombor telefon pintar / emel anda yang telah didaftarkan ke dalam kotak berkenaan

5

### TAMPIH

Pendaftaran berjaya. Tekan "Selesai" dan anda boleh log masuk untuk mengakses akaun LTAT anda.

# THE NAVY PEOPLE





# UFUK DI SAMUDERA RAYA





Barisan graduan TLDM bersama pihak pengurusan



Sesi penyampaian Scroll Diploma

# PROGRAM KERJASAMA MSU & TLDM

## LAHIRKAN ANGGOTA BERKEMAHIRAN TINGGI

OLEH Lt Che Abd Razi Bin Che Ab Manap TLDM


**P**ada 20 Oktober 2014 program kerjasama di antara TLDM dan Management Science University (MSU) telah dimeterai oleh mantan PTL ketika itu, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar yang mewakili pihak TLDM bersama Presiden MSU, YBhg Prof Tan Sri Dato' Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid. Kerjasama ini membabitkan dua program diploma iaitu Diploma Seni Kulineri dan Diploma Pengurusan Hotel yang melibatkan anggota TLDM berkepakaran Bendari (BDI) dan Petugas Wisma Pegawai (PWP).

Antara objektif yang dicapai melalui kerjasama ini adalah:

- **Melahirkan anggota TLDM yang berkemahiran tinggi.**
- **Meningkatkan tahap pendidikan yang lebih tinggi kepada *the Navy People* khususnya anggota berkepakaran BDI dan PWP.**
- **Memberi pendedahan berkaitan kerjaya luar dalam bidang perhotelan dan mempraktikkannya di dalam perkhidmatan.**

Sepanjang lima tahun kerjasama ini melalui enam siri program diploma yang dilaksanakan, seramai 383 orang anggota TLDM iaitu 219 daripada kepakaran BDI dan 164 daripada kepakaran PWP telah berjaya menjadi graduan.

Anggota TLDM yang mengikuti program diploma ini perlu melengkapkan modul pembelajaran dalam tempoh setahun yang dipecahkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama, anggota akan menjalani kelas pembelajaran selama enam bulan di Sekolah Pengurusan Hospitaliti dan Seni Kulineri, KD PELANDOK. Kemudian menjalani latihan praktikal selama enam bulan di hotel-hotel bertaraf 5 bintang sebagai pendedahan dan mempelajari kemahiran baharu dalam bidang perhotelan untuk dipraktikkan dalam perkhidmatan.

Selain itu, anggota juga terlibat dengan pelbagai aktiviti lain seperti program jiwa murni bersama masyarakat kampung, lawatan fasiliti ke MSU dan hotel terkemuka serta menyertai kejohanan pertandingan *Battle of The Chef* yang dianjurkan oleh Persatuan Hotel-Hotel Seluruh Malaysia. Ini merupakan aktiviti teras bagi setiap siri diploma dalam memberi pendedahan kepada anggota untuk merancang sesuatu kerja disamping memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain. Program kerjasama ini telah berjaya melahirkan anggota yang lebih berintelektual dan berdaya saing. 



LK PWP Rohana binti Sudin dianugerahkan Pelajar Terbaik TLDM





Perasmian Program oleh Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM



Peserta yang hadir

# PROGRAM PENDIDIKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA ATM

OLEH PW II Safina binti Ahmad

**K**D PELANDOK telah berjaya melaksanakan Program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK ATM) pada 28 dan 29 Mac 2022. Program ini telah dihadiri seramai 132 orang peserta dari unit di bawah naungan Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL).

Majlis Perasmian Program PKK ATM anjuran MPPL telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Anuar bin Mohamed, Panglima Pendidikan dan Latihan. Turut hadir di majlis perasmian tersebut adalah Laksamana Pertama Azhar bin Adam, Timbalan Panglima Pendidikan Pendidikan dan Latihan, Kol Haji Mohd Shukri bin Haji Mohd Ghazali Pengarah Pendidikan ATM, Pegawai-Pegawai Memerintah UBN MPPL, semua Pegawai Pendidikan dan Jurulatih Pendidikan yang terlibat sebagai fasilitator program.

Program ini dilaksanakan atas inisiatif strategi Jabatan Arah Pendidikan yang disasarkan di dalam Pelan Strategik Mindef (PSM) - Teras 3 Pelestarian Kesejahteraan Warga ATM.

Kesemua 5 tahap perkembangan bermula daripada tahap 1 pendidikan pra-berumah tangga sehingga tahap 5 yang mempunyai anak-anak remaja telah dilaksanakan pada anjuran MPPL kali ini.

Di antara objektif program ini adalah memberi pendedahan kepentingan kemahiran pengurusan kewangan yang akan dapat memperkukuhkan institusi kekeluargaan dalam pembentukan keluarga yang harmoni dan sejahtera. Hasil utama program ini adalah mengutamakan kecemerlangan pendidikan anak-anak.

Pihak MPPL mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sokongan Ketua Sektor Penyelidikan dan Pembangunan Sel Pendidikan Moral dan Karakter Jabatan Arah Pendidikan, semua Pegawai Pendidikan dan Jurulatih Pendidikan yang terlibat sebagai fasilitator kerana program ini telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang. **S**





# PERBARISAN HARI TLDM KE-88 DI PANGKALAN TLDM LUMUT

OLEH Bahagian Komunikasi Strategik Markas Pemerintahan Armada Barat

**I**stiadat Perbarisan Hari TLDM Ke-88 telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany penuh gah di Padang Kawad KD PELANDOK pada 24 April 2022.

Perbarisan terdiri daripada 12 kontinjen membabitkan 37 pegawai dan 781 anggota Lain-lain Pangkat diketuai oleh Kdr Ts. Lukman bin Hamzah TLDM dan dibantu oleh Lt Kdr Mohd Rozaireen bin Roziken TLDM serta Pegawai Waren Perbarisan iaitu PW I PWP Mohd Fauzee bin Hj Abu.

Perbarisan diiringi Pancaragam Pusat TLDM dan lintas hormat oleh aset udara TLDM, Super Lynx dan Fennec. *The Navy People* telah mempamerkan tradisi, kesiagaan dan kesungguhan walaupun dilaksanakan di dalam bulan Ramadan.

YBhg PTL turut menyempurnakan majlis Anugerah Inovasi TLDM Tahun 2022 di Auditorium M Sidek Shabudin, KD PELANDOK. Penyampaian anugerah ini adalah bagi mengiktiraf *The Navy People* di dalam beberapa kategori kecemerlangan seperti Anugerah Markas Terbaik, Piala Agong, Piala Gonzales, Piala Panglima Tentera Laut, Bintara dan Laskar Terbaik TLDM, Pemenang Esei Maritim, Anugerah Inovasi TLDM dan Anugerah Peserta Kursus Terbaik.

## Anugerah/Piala

### Pingat Pujian PTL

Lt Kdr Mohd Roslan bin Mohd Saufi TLDM N/404999 (BIJ)  
Lt Kdr Nor Hilmi bin Hashim TLDM N/404697 (SKN 503)  
830832 BK TMK Lopez ak Edwin (SKN 503)

### Bintara Terbaik TLDM

835035 BK PBK Shairazi bin Mohd Jamil (KD TAR)

### Laskar Terbaik TLDM

835205 LK PLM Mohd Farid bin Nordin (KD DUYONG)

### Piala PTL

KD SUNDANG

### Piala Agong

KD PARI

### Piala Gonzales

KD TODAK

### Anugerah Markas Terbaik

Markas Wilayah Laut 2



YBhg PTL memeriksa perbarisan

# MOHON & MENANG

Dengan kadar lebih rendah

dari **5.65%** kepada

# 4.30%

## Hadiah Utama

**30 X Gold Bar 1g**

bernilai sehingga RM350

layak untuk kelulusan RM100,000 ke atas

Petronas Gift Card

**80 X RM100**

layak untuk kelulusan  
RM50,000 - RM99,999

Petronas Gift Card

**110 X RM50**

layak untuk kelulusan  
RM49,999 ke bawah

**Pemohon dapat,  
penjamin pun dapat...**

Tawaran bermula JUN 2022 sehingga stok masih ada




Mohon Pembiayaan  
Berpenjamin di cawangan KT



Pembiayaan yang diluluskan,  
akan dihubungi oleh pihak KT  
untuk tuntutan hadiah

Tertakluk kepada terma & syarat



## ***MALACCA AND SINGAPORE STRAITS - ELECTRONIC NAVIGATIONAL CHART (MSS-ENC)***

**KERJASAMA ANTARABANGSA DALAM MEMASTIKAN KESELAMATAN PELAYARAN DI SELAT MELAKA DAN SELAT SINGAPURA SENTIASA TERJAMIN.**

**OLEH** Lt Kdr Ahmad Shahrin bin Abu Zarin (Pegawai Staf Validasi Carta) Pusat Hidrografi Negara

**S**elat Melaka dan Selat Singapura adalah merupakan dua selat yang menjadi laluan utama perkapalan dunia kerana kedudukannya yang strategik di antara Sumatera dan Semenanjung Malaysia yang berfungsi sebagai laluan antarabangsa utama yang menghubungkan Lautan Hindi dengan Laut China Selatan. Selat sepanjang 500 batu nautika ini mempunyai kelebaran dan kedalaman yang berbeza-beza yang menjadikan keselamatan pelayaran di selat ini agak kritikal. Bagi menjamin Keselamatan Pelayaran di kedua-dua selat perdagangan utama dunia ini, Jepun melalui *Japan Hydrographic Association* (JHA) telah mengkordinasikan penerbitan MSS-ENC.

MSS-ENC adalah merupakan kerjasama empat negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Jepun. Melalui kerjasama ini, sebanyak 6 Sel Carta Elektronik yang meliputi perairan Selat Melaka dan Selat Singapura telah diterbitkan yang diselarasakan oleh negara Jepun yang telah dilantik sebagai pentadbir tetap bagi MSS-ENC. Penerbitan MSS-ENC secara komersial telah dimulakan pada 20 Disember 2005.

Penerbitan MSS-ENC ini mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh *International Hydrographic Organization* (IHO). Sebagai salah satu negara ahli MSS-ENC, Malaysia melalui Pusat Hidrografi Nasional (PHN) telah memberikan sumbangan terhadap kerjasama ini sejak ianya ditubuhkan pada 17 tahun lalu. Sebagai agensi tunggal yang bertanggungjawab penuh dalam setiap penerbitan carta di perairan Malaysia, PHN perlu memastikan setiap proses



Mesyuarat MSS-ENC di Jakarta Indonesia pada tahun 2017. PHN diwakili Oleh Laksda Dato' Hanafiah bin Hassan & Lt Kdr Ahmad Shahrin bin Abu Zarin



Lt Kdr Ahmad Shahrin bin Abu Zarin bersama wakil Jepun, Indonesia dan Singapura



Ketua Pengarah Hidrografi, Laksda Dato' Hanafiah bin Hassan sedang memberikan pandangan beliau kepada deligasi Mesyuarat MSS-ENC di Bali




Upacara menandatangani Record of Discussion antara 4 negara ahli MSS-ENC semasa Mesyuarat MSS-ENC di Jakarta Indonesia pada tahun 2017

validasi dan verifikasi bagi semua sel MSS-ENC yang meliputi perairan negara dilaksanakan dengan betul dan berpandukan kepada piawaian antarabangsa.

Bagi memastikan semua sel MSS-ENC sentiasa dikemaskini dan menepati kehendak pelaut antarabangsa, perjumpaan melalui mesyuarat atau bengkel teknikal dilaksanakan secara berkala membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan serta penerbitan MSS-ENC. Mesyuarat terakhir MSS-ENC di Bali, Indonesia pada 9 Jun 2022 memutuskan proses penyerahan rasmi Penyelaras MSS-ENC dari Indonesia kepada Malaysia. Indonesia telah menjadi Penyelaras MSS-ENC sejak 2019 dan akan menyerahkan peranan tersebut kepada Malaysia, pada tahun 2023 untuk selama tempoh 3 tahun.

Selain menyumbang kepada keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan Selat Singapura, MSS-ENC juga memberikan pendapatan tambahan kepada negara yang mana hasil jualan Carta Elektronik MSS-ENC disalurkan terus kepada Akaun Kementerian Pertahanan Malaysia. Untuk rekod, hasil jualan MSS-ENC pada tahun 2021 adalah berjumlah USD1.5 Juta (RM6.7 Juta). Walau bagaimanapun hasil jualan ini turut dibahagikan dengan 4 negara ahli MSS-ENC mengikut peratusan yang telah dipersetujui.

Penglibatan PHN sebagai wakil negara di dalam kerjasama ini adalah amat penting dan bertepatan dengan peranannya sebagai penguasa hidrografi dan pencartaan di Malaysia. Ianya juga amat penting bagi memastikan setiap sel MSS-ENC yang meliputi kawasan perairan Malaysia dikemaskini dengan data berkualiti disamping menepati piawaian di peringkat antarabangsa. 



Jumlah pendapatan daripada hasil jualan MSS-ENC daripada tahun 2006 sehingga tahun 2021

Kdr P.K. Nettur TLDM (kiri sekali) bersama Kept Zain

## LAKSAMANA PERTAMA P.K (BABOO) NETTUR KISAH YANG TAK TERUNGKAP

**L**aksamana Pavithran Krishnan Nettur N/400080 memulakan kerjayanya dengan Tentera Laut sebagai Pegawai Kadet Tauliah Tetap pada 15 Mei 1955. Beliau dilahirkan di Batu Pahat, Johor pada 1 Mac 1936 dan merupakan lulusan English College Johore Bahru serta memiliki *Over Sea Certificate Grade 2*. Pegawai telah bersara setelah berkhidmat selama 32 tahun pada 5 November 1983. Jawatan terakhirnya adalah sebagai Asistan Panglima Tentera Laut (Rancang) Departmen Tentera Laut dengan menyandang pangkat Laksamana Pertama.

### Insiden Penting


Antara insiden penting yang dikaitkan dengan beliau adalah kisah keberaniannya melawan penceroboh semasa konfrontasi pada 24 Julai 1964 di mana berlaku kejadian tembak menembak ketika beliau sebagai Pegawai Memerintah KD SRI SELANGOR. Semasa dalam satu rondaan operasi di posisi lima batu dari Pulau St John berhadapan dengan Pelabuhan Utama Singapura, telah mengesan suatu objek mencurigakan di skrin radar yang bergerak dari Pulau Riau, Sumatra menuju ke arah mereka. Beliau terus mengarahkan kapal ke "Stesen Bertindak" untuk bersedia memintas dan menggeledah kontak tersebut.

### Pentempuran KD SRI SELANGOR dengan Kor Komando Penggempur Indonesia (KKO)

Lebih kurang jam 9.30 malam, bot tersebut berada lebih kurang 15 ela di hadapan KD SRI SELANGOR. Amaran telah diberikan kepada bot tersebut untuk berhenti tetapi tidak diendahkan sebaliknya kedengaran laungan yang menyebut perkataan KKO. Bot yang dikendalikan oleh lima orang yang bersenjatakan senjata automatik, terus melepaskan tembakan bertubu-tubi ke arah kapal. Tembakan tersebut telah mengorbankan Laskar Kelas Satu Mekanik Elektrikal Abdul Samad Sulaiman dan mencederakan Laskar Kanan Persenjataan Kweh Onn Cheong serta Pegawai Kadet Kanan Musa bin Jabar.



Petak yang bertanda merah menunjukkan kesan tembakan semasa kejadian tersebut



KD SRI SELANGOR membalas tembakan dengan menggunakan Meriam Bofors 40/60mm dan berjaya meneutralkan serta menenggelamkan bot tersebut. Kejadian di awal konfrontasi ini membuktikan betapa bahayanya keadaan yang ditempuhi oleh anggota TLDM dalam mempertahankan kedaulatan perairan negara pada ketika itu. Tindakan berani Lt P.K. Nettur itu mendapat penghargaan dan beliau dikurniakan pingat Kepujian Perutusan Keberanian daripada kerajaan Malaysia.

#### Jawatan yang pernah disandang:

- Pegawai Laksana KD SRI JOHOR
- Pegawai Memerintah KD SRI SELANGOR
- Pegawai Turus 3 (Gerak) Bahagian Turus Tentera Laut
- Pegawai Memerintah KD MAHAMIRU
- Pegawai Memerintah KD BRINCHANG
- Pegawai Turus 1 (Cawangan Lat) Bahagian Turus Tentera Laut
- *Directing Staff* Maktab Turus Angkatan Tentera
- PANGWILA 1 dan 2
- Pengarah Jabatan Perancang Pertahanan KEMENTAH
- Ketua Staf Latihan Operasi Bersama KEMENTAH

#### Pingat yang pernah diterima:

- Kepujian Perutusan Kebenaran (KPK) - 1965
- Pingat Khidmat Berbakti (PKB) - 1965
- Pingat Peringatan Malaysia (PPM) - 1965
- Pingat Perkhidmatan Am (PPA) - 1966
- Ahli Mangku Negara (AMN) - 1968
- Kesatria Mangku Negara (KMN) - 1973
- Setia Mahkota Johor (SMJ) - 1978
- Johan Mangku Negara (JMN) - 1980
- Ahli Setia Darjah Kinabalu Sabah (ASDKS) - 1980
- Pahlawan Angkatan Tentera (PAT) - 1983 



KD SRI SELANGOR dalam Stesen bertindak

Pemakaian pangkat disempurnakan oleh YBhg MENHAN dan YBhg PTL

# PEGAWAI WANITA PERTAMA TLDM MENYANDANG PANGKAT LAKSAMANA MUDA

OLEH PW I KOM Nor Hasmin bin Hashim

**S**ejarah tercipta buat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) khususnya kepada warga wanita TLDM dengan terlaksananya Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TLDM melibatkan Laksamana Pertama Rohana binti Jupri yang dinaikkan ke pangkat Laksamana Muda berkuatkuasa 1 Julai 2022. Ia sekali lagi menjadikan beliau pegawai wanita TLDM pertama yang dinaikkan ke pangkat Laksamana Muda.

Majlis pemakaian pangkat ini telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany di Markas Pemerintahan Armada Timur, Kota Kinabalu.

Sebelum ini beliau merupakan pegawai wanita pertama TLDM yang dinaikkan ke pangkat Kepten TLDM (27 September 2017) dan Laksamana Pertama (18 Disember 2020). Kenaikan pangkat ini membuktikan kemampuan dan kredibiliti warga wanita TLDM diiktiraf oleh pengurusan tertinggi. Ianya juga sebagai tanda penghargaan TLDM

terhadap usaha dan kemampuan yang ditunjukkan oleh beliau sekali gus memberi tanggungjawab untuk melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi dan cemerlang.

Peranan warga wanita TLDM kini semakin diketengahkan dan penyertaan wanita dalam TLDM juga telah meliputi semua kepakaran utama yang ada dalam TLDM iaitu Eksekutif, Bekalan dan Kejuruteraan. Ruang dan peluang sentiasa diberikan kepada warga wanita TLDM untuk memegang jawatan-jawatan utama, sama pentingnya dengan warga TLDM yang lain. **S**







PKK Janusha bersama pelatih dari Malaysia memamerkan watakah yang diterima dari USNA


# PKK JANUSHA: BUKTIKAN KEUPAYAAN DI PERSADA DUNIA

OLEH PW I KOM Nor Hasmin bin Hashim

**S**ejarah tercipta apabila Pegawai Kadet Kanan (PKK) Janusha a/p Bala Krishnan Muthiah menjadi pegawai wanita pertama dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berjaya menamatkan pengajian dan latihan ketenteraan di United States Naval Academy (USNA).

Terdahulu, Majlis Tamat Pengajian yang penuh gemilang telah disempurnakan oleh Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden dan dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi dari Tentera Laut Amerika Syarikat bersama Duta serta Penasihat-penasihat Pertahanan dari pelbagai negara.

PKK Janusha dari 'Class of 2022' telah mula menjalani pengajian dan latihan ketenteraan di USNA pada tahun 2018. Turut bersama beliau menjalani latihan ketenteraan selama empat tahun ini adalah daripada 1085 pelatih dari Amerika Syarikat dan 14 pelatih dari luar negara. Kejayaan beliau menamatkan pengajian dan latihan ketenteraan di salah sebuah pusat latihan tentera terbaik di dunia ini membuktikan kewibawaan dan kemampuan wanita muda Malaysia untuk bersama bersaing di dalam bidang yang lebih dipelopori oleh kaum lelaki.

Kejayaan Janusha boleh dijadikan sebagai pemangkin untuk menarik lebih ramai penyertaan anak muda terutama dari golongan wanita untuk menjadikan kerjaya ATM amnya dan TLDM khasnya sebagai salah satu kerjaya pilihan. 



Samudera 2/2022



# WABAK CACAR MONYET

## ANCAMAN KEPADA PENGOPERASIAN ATM


OLEH Mej (Dr) Anis Ainzafirah binti Mohd Khairi  
PS 1 Preventif, Markas Angkatan Bersama

**M**enurut data daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sehingga 11 Julai 2022, sebanyak 9424 kes jangkitan cacar monyet telah dilaporkan di 57 buah negara yang bukan endemik, termasuk beberapa kawasan di Kanada, Amerika Syarikat (AS), beberapa negara Eropah termasuk United Kingdom (UK), Jerman, Perancis dan terkini Australia.

Penyakit cacar monyet merupakan sejenis jangkitan 'zoonosis' yang disebabkan oleh virus cacar monyet dari kumpulan 'poxviridae'. Walaupun ia mengambil nama haiwan monyet, perumah mutlak virus cacar jenis ini sebenarnya masih tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ia juga dapat dikesan di dalam haiwan lain seperti tupai tanah dan pokok, tikus Gambia dan tikus belukar (*dormice*).

Penyakit cacar monyet yang pertama mula dikesan pada tahun 1970 di Republik Demokratik Congo yang telah menjangkiti seorang kanak-kanak lelaki berusia 9 bulan. Kanak-kanak tersebut didapati mempunyai gejala menyerupai cacar (*smallpox*), namun ujian makmal menunjukkan ia jangkitan disebabkan oleh virus cacar monyet. Sejak daripada itu, terdapat peningkatan jangkitan kes yang mendadak dilaporkan dari seluruh Afrika tengah dan barat.

**Wabak cacar monyet yang dilaporkan di luar benua Afrika iaitu di benua Amerika dan Eropah baru-baru ini bukanlah sesuatu yang tidak pernah berlaku. Ini kerana sepanjang tempoh dari tahun 1990-an dan era 2000 terdapat kes cacar monyet dilaporkan berlaku di luar benua Afrika tetapi jumlahnya tidak terlalu membimbangkan WHO.**



Walau bagaimana pun, pada masa ini, tiada kes cacar monyet dilaporkan di Malaysia. Namun, apa yang perlu diberikan perhatian di kala zaman endemik Covid-19 ini, jumlah kes cacar monyet yang dilaporkan di seluruh dunia berlaku dalam jumlah yang tinggi yang mampu memberi ancaman baharu selepas COVID-19, bukan sahaja kepada dunia, bahkan kepada pengoperasian Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutamanya yang terlibat dalam misi luar negara. Kadar kematian akibat jangkitan cacar monyet dicatatkan sekitar tiga hingga enam peratus.


Bagi individu yang telah dijangkiti, rawatan simptomatik boleh diberikan bagi meredakan gejala yang dialami. Berdasarkan CDC (*Centre For Disease Control And Prevention*), apabila berlakunya wabak cacar monyet, ubat antiviral boleh digunakan untuk rawatan bagi jangkitan yang serius. Selain itu, mereka juga dikehendaki untuk melakukan pengasingan diri selama 21 hari sehingga gejala ruam kulit menjadi kering dan pulih. Bagi anggota yang terlibat di dalam misi, ini sudah tentu menjejaskan penugasan anggota dan pengoperasian misi tersebut untuk sesuatu tempoh masa. Hal ini boleh membawa kepada pemanjangan tempoh penugasan misi atau menyebabkan anggota untuk dihantar pulang atas masalah kesihatan (*return to unit*).

Sehingga kini, masih tiada vaksin khusus untuk mencegah cacar monyet. Walau bagaimana pun, penularan wabak ini boleh dikawal menggunakan vaksin yang sama untuk cacar. Justeru, jika ia boleh diadaptasikan dengan mewajibkan anggota tentera yang akan terlibat dengan misi dalam dan luar negara untuk mengambil vaksin cacar sebelum memulakan perjalanan ke negara berisiko, adalah sangat baik. Vaksin cacar mampu memberi perlindungan sekurang-kurangnya 85% berkesan dalam mencegah cacar monyet.

Wabak cacar monyet tidak seharusnya dipandang enteng oleh warga ATM meskipun WHO berkata cacar monyet dianggap ancaman sederhana terhadap kesihatan global. Ini kerana, ancaman ini mungkin meningkat jika virus berkenaan mengambil kesempatan daripada kadar penularan sekarang untuk berubah menjadi patogen manusia. Jika ini berlaku, maka virus cacar monyet berpotensi tersebar dalam kalangan mereka yang berisiko tinggi dihidap penyakit teruk, umpamanya kanak-kanak kecil dan mereka yang lemah daya tahan penyakit. Justeru, semua warga ATM perlu proaktif mempraktikkan langkah-langkah pencegahan cacar monyet dan disaran untuk mengekalkan kebersihan diri, mengelakkan daripada sentuhan langsung dengan pesakit cacar monyet, atau memakan daging haiwan yang tercemar. **S**



Gejala Cacar Monyet





Peserta yang terlibat



Pengerusi Jemaah BAKAT Laut menyampaikan sumbangan di Dewan Tertutup KD SRI GOMBAK

# BENGGKEL KEPIMPINAN BAKAT LAUT SIRI 1/22

OLEH Lt Dya Sofeatul Nadzhimie binti Romzi PSSTLDM

Bengkel Kepimpinan BAKAT Laut Siri 1/22 telah dilaksanakan pada 3 hingga 5 Jun 2022 di Hotel Imperial Heritage, Melaka. Bengkel Kepimpinan ini telah disertai oleh 90 ahli BAKAT Laut di Semenanjung Malaysia.

Bengkel selama 3 hari 2 malam ini merupakan salah satu aktiviti tahun 2022 yang bertujuan untuk membentuk jati diri ahli BAKAT Laut agar lebih berkeyakinan, membina ciri-ciri kepimpinan serta cenderung ke arah penjaan ukhwh sesama ahli di dalam meningkatkan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan perancangan strategik.

Konsep bengkel adalah secara kerja berkumpulan dimana 8 sesi telah disediakan kepada para peserta yang dikendalikan oleh pakar-pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia diketuai oleh Profesor Datuk Dr Rokiah binti Hj Omar. **S**



Pakar-pakar dari UKM berkongsi ilmu



Peserta membentangkan hasil bengkel

## MAJLIS MERAIKAN BALU DAN ANAK YATIM SEMPENA HARI ULANG TAHUN TLDM KE-88

OLEH Lt Dya Sofeatul Nadzhimie binti Romzi PSSTLDM

BAKAT Laut telah menganjurkan Majlis Meraikan Balu dan Anak Yatim Peringkat Lembah Klang pada 23 April 2022 dan Majlis Meraikan Balu, Anak Yatim, Pesakit Kronik dan Anak-Anak Istimewa Peringkat Armada Barat pada 26 April 2022 bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun TLDM ke-88. Majlis Meraikan Balu dan Anak Yatim Peringkat Lembah Klang dilaksanakan di Dewan Tertutup KD SRI GOMBAK dengan kehadiran 4 orang Balu dan seorang Duda serta 9 orang Anak Yatim manakala Majlis Meraikan Balu, Anak Yatim, Pesakit Kronik dan Anak-Anak Istimewa Peringkat Armada Barat diadakan di Pusat Pembangunan Wanita, Pangkalan TLDM Lumut dengan kehadiran 8 orang Balu, 19 orang Anak Yatim, 32 orang Pesakit Kronik dan 21 orang Kanak-Kanak Istimewa.

Penyampaian wang sumbangan dan hadiah kepada balu dan anak-anak yatim telah dilaksanakan oleh Yang Berbahagia Puan Sri Maslina binti Ismail, Pengerusi Jemaah BAKAT Laut. Objektif kedua-dua majlis ini diadakan adalah untuk mengenang jasa dan pengorbanan perajurit TLDM yang telah meninggal dunia di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara BAKAT Laut dengan waris serta pihak keluarga penerima-penerima sumbangan. Sebagai sebuah institusi yang mementingkan kebajikan warganya, penganjuran majlis seperti ini amat bertepatan dengan hasrat pucuk pimpinan TLDM sejak dari dulu lagi, agar hal-hal kebajikan sentiasa diutamakan dan dititikberatkan. **S**



Pengerusi BAKAT Laut menyampaikan sumbangan di Pusat Pembangunan Wanita, Pangkalan TLDM Lumut

# MESYUARAT JEMAAH BAKAT LAUT PENGGAL PERTAMA TAHUN 2022

OLEH Lt Dya Sofeatul Nadzhimie binti Romzi PSSTLDM



Antara AJK yang hadir

Mesyuarat Jemaah BAKAT Laut Penggal Pertama Tahun 2022 telah dilaksanakan di Wisma Perwira ATM dipengerusikan oleh Pengerusi Jemaah BAKAT Laut, Yang Berbahagia Puan Sri Maslina binti Ismail.

Antara agenda mesyuarat adalah Pembentangan Laporan Tahunan BAKAT Laut bagi Tahun 2021 serta Perancangan Aktiviti BAKAT Laut bagi tahun 2022. YBhg Pengerusi turut menyampaikan amanat Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM yang menekankan dua aspek penting iaitu kepimpinan dan kebajikan. Dari segi kepimpinan, beliau menegaskan bahawa setiap Pengerusi BAKAT perlu memainkan peranan dalam penambahbaikan organisasi BAKAT bagi mendatangkan impak yang positif. Manakala dari segi kebajikan, inisiatif memperkasakan kemahiran para isteri bagi tujuan penjaan ekonomi keluarga perlu dipergiatkan dalam kalangan ahli BAKAT selain daripada lawatan dan sumbangan kebajikan.

Dalam pada itu, mesyuarat juga turut membincangkan mengenai penetapan pengurusan BAKAT berdasarkan Perlembagaan BAKAT ATM yang baru. Mesyuarat kali ini juga telah mengiktirafkan BAKAT Laut Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan (Mk SIMPANAN) TLDM sebagai organisasi BAKAT Laut yang baharu. **S**



Mesyuarat berlangsung, Wisma Perwira ATM



Pengerusi Jemaah BAKAT Laut turut hadir bersama beberapa orang ahli JLAKS yang lain

## PROGRAM MOTIVASI ANAK-ANAK *THE NAVY PEOPLE*

OLEH Lt Dya Sofeatul Nadzhimie binti Romzi PSSTLDM

Program Motivasi Anak-Anak *the Navy People* telah diadakan di peringkat Lembah Klang dan Pangkalan TLDM Lumut. Program di peringkat Lembah Klang telah diadakan pada 16 Mac 2022 bertempat di Auditorium Binary, Bahagian Siber Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) manakala di peringkat Pangkalan TLDM Lumut telah diadakan di Dewan Banquet, Pusat Pembangunan Wanita (PPW) pada 12 Jun 2022. Program Motivasi tersebut telah dikendalikan oleh BAKAT Laut dengan kerjasama Sel Agama, MkTL untuk anak-anak warga *the Navy People* yang berumur 7 hingga 16 tahun. Program ini bertujuan untuk meningkatkan nilai murni dan keyakinan diri dalam menghadapi dunia persekolahan di musim pandemik baru-baru ini. Penceramah jemputan adalah Encik Azman Syah bin Alias atau lebih dikenali sebagai Pencetus Ummah (PU) Azman.



PU Azman menyampaikan ceramah di Auditorium Binary, BSEP



Sesi Interaksi Dua Hala

Seramai 92 orang peserta telah menyertai program ini yang berlangsung di Auditorium Binary, BSEP manakala 150 orang peserta telah menyertai program yang berlangsung di Dewan Banquet, PPW. Kepetahan PU Azman dalam mengupas isu-isu semasa berkaitan keagamaan, pendidikan dan kekeluargaan telah berjaya mencapai objektif program yang telah ditetapkan. PU Azman juga menggunakan pendekatan interaksi dua hala antara penceramah dan para peserta. **S**



# ATLET TLDM MELAKAR NAMA DI PENTAS SUKAN SEA

OLEH PW I TNL Sidiq bin Ahmad  
FOTO Arkib

**S**ukan SEA ke - 31 Hanoi, Vietnam telah berlangsung pada 12 Mei 2022 dengan penyertaan 11 negara Asia Tenggara. Pada edisi kali ini, Malaysia berjaya meraih 39 pingat emas, 45 pingat perak dan 90 pingat gangsa dengan melepasi sasaran 146 pingat keseluruhan yang ditetapkan.

Seramai 17 atlet TLDM mewakili negara pada temasya kali ini dan seramai 7 atlet telah berjaya menyumbang pingat kepada negara melalui sukan olahraga, sepak takraw dan tinju:

## Olahraga

1. 8008568 LK I PAP Jackie Wong Siew Cheer - Baling Tukul Besi (Emas).
2. 8008574 LK I TNL Muhammad Irfan bin Shamsuddin - Lempar Cakera (Emas).
3. 8008299 LK I TNL Nauraj Singh Randhawa - Lompat Tinggi (Perak).
4. 8009228 LK I TNL Savinder Kaur Joginder Singh - 800m Wanita (Gangsa).
5. 5501256 LK TNL Komalam Shally a/p Selvaretnam - 4x100m Wanita (Gangsa).

## Sepak Takraw

1. 837966 LK I TNL Norfaizzul bin Abd Razak - 2 pingat Perak iaitu dalam acara regu dan regu berpasukan.

## Tinju

1. 837745 LK I JJM Khir Akyazlan bin Azmi - 1 pingat Gangsa dalam kategori 81 kg (heavyweight).

## Pemenang Pingat Emas



**LK I PAP JACKIE WONG SIEW CHEER  
PINGAT EMAS**

ACARA BALING TUKUL BESI LELAKI  
REKOD BALINGAN 66.49 METER



**LK I TNL MUHAMMAD IRFAN BIN SHAMSUDDIN  
PINGAT EMAS**

ACARA LEMPAR CAKERA LELAKI

## Pemenang Pingat Perak



**LK I TNL NORFAIZZUL BIN ABD RAZAK  
PINGAT PERAK**

ACARA SEPAK TAKRAW REGU LELAKI



**LK I TNL NAURAJ SINGH RANDHAWA  
PINGAT PERAK**

ACARA LOMPAT TINGGI LELAKI

## Pemenang Pingat Gangsa



**LK TNL KOMALAM SHALLY  
A/P SELVARETNAM  
PINGAT GANGSA**

ACARA 4X100 METER WANITA



**LK I TNL SAVINDER KAUR  
JOGINDER SINGH  
PINGAT GANGSA**

ACARA 800 METER WANITA



**LK I JJM KHIR AKYAZLAN  
BIN AZMI  
PINGAT GANGSA**

ACARA TINJU

**'Yang bulat tidak datang bergolek,  
yang pipih tidak datang melayang'.**

Itulah ungkapan yang sewajarnya diberikan kepada atlet TLDM kerana dengan usaha dan pengorbanan, mereka telah mampu mengecapi kejayaan.

**MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA**

# OP BENTENG LAUT

## KD LEKIU USIR BOT NELAYAN ASING

OLEH Bahagian Komunikasi Strategik, MPA Barat

**L**UMUT, 7 April 2022 - KD LEKIU berjaya memintas dan mengusir dua buah Bot Nelayan Asing (BNA) dari Indonesia yang dipercayai berniat untuk menceroboh perairan negara berhampiran Pulau Perak bagi tujuan aktiviti penangkapan ikan secara tidak sah.

Kerjasama bersepadu antara TLDM dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dalam penyaluran maklumat yang pantas dan tepat telah berjaya mengekang aktiviti pencerobohan di perairan negara. Terdahulu, pesawat B200T (RMF 364) milik TUDM dalam penugasan rondaan telah berjaya mengesan keberadaan lapan BNA tersebut lantas memaklumkan kepada komponen maritim bagi tujuan tindakan lanjut. Tindakan pantas Maritime Component Commander (MCC) Barat telah mengatugergerak aset yang terhampir iaitu KD LEKIU untuk ke lokasi pengesanan awal BNA tersebut.

Setiba di lokasi hanya dua buah BNA yang masih berada dalam perairan negara manakala selebihnya telah meninggalkan lokasi setelah menyedari kehadiran pesawat TUDM. KD LEKIU telah mengarahkan dan membayangi BNA sehingga keluar meninggalkan sempadan perairan negara.

TLDM sentiasa komited dalam memperkasakan penugasan OP BENTENG LAUT menerusi kerjasama pelbagai agensi MCC di bawah *National Task Force* (NTF) bagi memperkukuhkan sempadan perairan negara daripada dicerobohi. **S**





Kunjungan Hormat PTL Singapura

# LAWATAN RASMI PANGLIMA TENTERA LAUT SINGAPURA


KE PANGKALAN TLDM KOTA KINABALU, SABAH

OLEH Lt Nur Asikin binti Johari TLDM

FOTO Markas Pemerintahan Armada Timur

**R**ear Admiral Aaron Beng telah mengadakan lawatan rasmi ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) pada 25 dan 26 Mei 2022. Ini merupakan lawatan ulung beliau ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu sejak menjawat jawatan Panglima Tentera Laut Singapura pada tahun 2020. Lawatan ini turut diiringi oleh YBhg Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany dan Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali.

Dalam program lawatan ini, turut diadakan perbincangan strategik berkenaan pengukuhan hubungan diplomasi kedua angkatan laut serta merancang operasi bersama yang boleh dilaksanakan bagi memantapkan kerjasama dalam menjaga perairan maritim serantau.

RAAdm Aaron turut dibawa melawat ke Markas Pemerintahan Kapal Selam, Stesen Udara Kota Kinabalu, Skuadron 601 *Unmanned Aerial System* (UAS) *Scan Eagle* dan Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW139. 



Delegasi diberi penerangan berkaitan UAS



Gambar kenangan di KD TEGUH SAMUDERA



Penyampaian cenderahati


# LAWATAN POLITEKNIK BAGAN DATUK KE KD PELANDOK

OLEH Lt Kdr Ts. Mohd Yassin bin Mohd Ibrahim TLDM

**L**UMUT, 23 Mei 2022 - KD PELANDOK menerima kunjungan delegasi dari Politeknik Bagan Datuk (PBD) yang diketuai oleh pengarahnya, Tn. A. Azman bin Arshad dan diiringi oleh 13 pensyarah serta 32 pelajar. Kunjungan ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama akademik antara PBD dan KD PELANDOK dalam aspek pengendalian latihan bidang kejuruteraan dan mewujudkan peluang jaringan kolaborasi serta peluang kerjaya graduan PBD bersama TLDM. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk memperluaskan ilmu pengetahuan mengenai sistem dan teknologi yang terdapat di kapal TLDM.

Delegasi turut dibawa melawat fasiliti yang terdapat di Sekolah Pengajian Kejuruteraan KD PELANDOK meliputi Bengkel Penyelaku Marin, Bengkel Kejuruteraan Marin, Bengkel Srimala, Makmal Teknisyen Elektrik Radio dan Bengkel Penyelaku Janakuasa.

Seterusnya delegasi telah dibawa melawat KD TEGUH SAMUDERA di jeti Pangkalan Lumut untuk menerima pendedahan asas berkaitan proses kerja di kapal dan tugas-tugas yang dilakukan semasa kapal berada di pelabuhan dan ketika belayar.

Lawatan ini telah membantu memberi pendedahan awal berkaitan TLDM kepada masyarakat luar dan menarik minat generasi muda bagi menceburi bidang ketenteraan setelah menamatkan pengajian kelak. 



Pensyarah dan pelajar PBD yang hadir



Delegasi dibawa melawat fasiliti di KD PELANDOK



YBhg Laksda Tan Sri Dato' Seri (Dr) K.Thanabalasingam (Bersara)

YBhg Laksma Dr. Haji Sutarji bin Kasmin (Bersara)

YBrs Dr. Md Akbal bin Abdullah


# PERSIDANGAN SEJARAH TENTERA LAUT 2022

OLEH Lt Nurhidayah binti Mazlan PSSTLDM

**K**UALA LUMPUR, 22 Jun 2022 - PUSMAS TLDM melakar sejarah apabila buat julung kalinya menganjurkan Persidangan Sejarah Tentera Laut 2022 (PSTL 2022). Persidangan ini telah berlangsung di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM yang dihadiri oleh YBhg Panglima Tentera Laut dan 200 orang peserta terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Laksamana, Veteran TLDM, wakil muzium setiap perkhidmatan dan awam serta *the Navy People*.

Tema 'Mengenang Sejarah' yang diketengahkan ini bertujuan untuk mengenang kembali sejarah TLDM khususnya dan sejarah maritim tanah air amnya. Program berkisarkan sejarah ini dilihat mampu memupuk semangat cintakan tanah air, mengukuhkan jati diri dan membangunkan generasi berilmu di kalangan *the Navy People*. Satu platform interaksi di antara *the Navy People* dan veteran juga telah dapat direalisasikan dalam usaha menimba ilmu dan sumber rujukan masa hadapan.

PSTL 2022 membariskan tiga orang penceramah iaitu YBhg Laksamana Muda Tan Sri Dato' Seri (Dr) K.Thanabalasingam (Bersara), Mantan Panglima Tentera Laut Pertama yang menyampaikan topik bertajuk "Sebuah Kisah Tak Terungkap - Konfrontasi dan Insurgensi di Malaysia Timur". Penceramah seterusnya, YBhg Laksamana Pertama Dr. Haji Sutarji bin Kasmin (Bersara), Mantan Panglima Pasukan Khas Laut Pertama pula membentangkan topik "Merangka, Membangunkan dan Mengukur Keupayaan Tempur PASKAL Ke Arah Sentiasa Yang Terbaik (1984 - 1994)". Manakala penceramah jemputan, YBrs Dr. Md Akbal bin Abdullah iaitu Pensyarah Kanan dari Universiti Tun Hussein Onn telah membawa topik perbincangan "Sejarah Maritim Malaysia".



Kepten Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM (Pengaruh Sel Operasi Khas J3, Markas Angkatan Bersama) dan Dr. Nazli bin Aziz (Penyelaras di Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu) telah dilantik sebagai moderator untuk sesi persidangan ini.

Penganjuran PSTL 2022 ini amat bermakna bagi PUSMAS TLDM kerana mampu dijadikan sebagai pencetus dalam setiap usaha memperkenalkan dan membudayakan sejarah Tentera Laut kepada *the Navy People* khususnya dan masyarakat luar secara amnya. **S**



YBhg PTL mengajukan soalan dalam sesi soal jawab

# RIMPAC 2022

## KD LEKIR LAKAR SEJARAH

OLEH PW I KOM Nor Hasmin bin Hashim



Pelancaran misil EXOCET MM40 dari KD LEKIR

TLDM melakar sejarah buat julung kalinya apabila kapal jenis korvet KD LEKIR berjaya membuat penembakan misil di luar perairan Malaysia dalam siri latihan 'Sinking Exercise' (SINKEX) sempena Ekseksais 'Rim of the Pacific' (RIMPAC) 2022 di pesisir pantai Hawaii yang berlangsung pada 29 Jun hingga 4 Ogos 2022.

Pelancaran misil EXOCET MM40 ini tepat mengenai sasaran iaitu kapal *Ex-USS Rodney M Davis* (FFG60) yang telah dilucutkan tauliah pada 23 Januari 2015. Turut serta dalam SINKEX ini adalah aset-aset tentera laut dari Australia, Kanada dan Amerika Syarikat.

Ekseksais RIMPAC merupakan latihan laut terbesar di dunia yang dianjurkan oleh Tentera Laut Amerika Syarikat secara dwi tahunan sejak tahun 1971. RIMPAC 2022 membabitkan penyertaan angkatan tentera laut dari 28 negara melibatkan aset sebanyak 41 kapal permukaan, lima kapal selam, 150 pesawat udara dan hampir 25,000 peserta ekseksais.

Objektif ekseksais kali ini menggariskan tumpuan kepada kepentingan meningkatkan kebolehpasaran gabungan pasukan RIMPAC merentasi spektrum penuh operasi ketenteraan bertemakan *Capable, Adaptives, Partners*. **S**



Impak letupan yang mengenai sasaran



Panglima Armada Timur menurunkan insignia Pemerintahan

## PPU TLDM DALAM KENANGAN

OLEH Lt Kdr Johari bin Mat Yusof TLDM

KOTA KINABALU, 12 Julai 2022 - Pasukan Pertahanan Udara TLDM (PPU TLDM) telah mengakhiri perkhidmatannya selepas 6 tahun penubuhan pasukan ini di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Majlis pembubaran ini telah disempurnakan oleh Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali disusuli dengan upacara penurunan insignia Pemerintahan Lt Kdr Johari bin Mat Yusof TLDM sebagai Pegawai Memerintah yang terakhir.

Unit ini ditubuhkan pada 12 Mei 2016 dan dilengkapi dengan aset Pertahanan Udara Jarak Dekat - Sistem Misil STARSTREAK yang berkemampuan untuk menangkis serangan udara musuh pada jarak berkesan 7 kilometer. Keanggotaan pasukan ini terdiri daripada 4 pegawai dan 41 anggota LLP yang memiliki kepakaran khusus untuk mengendalikan sistem tersebut.

Pembubaran PPU TLDM Kota Kinabalu adalah berdasarkan persetujuan Forum Jawatankuasa Panglima-Panglima Ke-465 yang bersidang pada 21 April 2021 dan telah mendapat perakuan Majlis Angkatan Tentera di bawah Seksyen 5.(5) Akta Angkatan Tentera 1972. Seterusnya, perkara tersebut dipersembah dan mendapat perkenan daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk pembubaran sepenuhnya PPU TLDM Kota Kinabalu pada 17 Jun 2022.

Pembubaran ini juga menyaksikan semua aset dan Sistem Misil diserahkan kepada Rejimen Artileri Diraja Ke-35 bertempat di Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu sekaligus bertanggungjawab mengambil alih tugas melindungi ruang udara Wilayah Sabah. Prasarana bangunan PPU TLDM Kota Kinabalu kini telah dijadikan penempatan Stesen Udara Kota Kinabalu dan Skuadron 503 TLDM. **S**

# CHAR KUEY TEOW ESPLANADE

OLEH Lt M Mohd Arif Daniel bin Parbik PSSTLDM

**C**har Kuey Teow merupakan menu hidangan yang sangat terkenal di Malaysia dan sinonim dengan masyarakat Negeri Pulau Pinang. Hidangan ini menjadi '*signature dish*' di RNO Penang yang disediakan oleh LK I BDI Muhammad Farhan bin Mokhtar. Masakan ini amat lazat jika dimakan secara panas-panas dan lebih menarik disediakan secara 'live' di hadapan pengunjung. Tempoh penyediaan hidangan ini adalah 3 hingga 4 minit untuk sepinggan Char Kuey Teow Goreng Basah.

## Bahan-bahan (untuk hidangan sepinggan individu)

- 100 gram Char Kuey Teow (dibersihkan dan ditos)
- 1 sudu cili kering (dikisar)
- 1 sudu kecil kisanan bawang besar dan bawang putih
- 2 senduk pes kicap
- 1 senduk air rebusan udang
- 50 gram kacang taueh
- 20 gram daun kucai
- 1 biji telur
- 3-4 ekor udang (direbus terlebih dahulu)
- 3 sudu minyak masak



## Cara Penyediaan

- Kual dipanaskan dengan minyak masak dan tumisan kisanan bawang besar dan bawang putih.
- Masukkan udang dan gaul sebentar bersama tumisan bawang ke dalam kual. Pastikan kual cukup panas dan keadaan api yang kuat.
- Seterusnya masukkan kisanan cili kering ke dalam kual. Goreng dengan sehati.
- Masukkan Char Kuey Teow ke dalam kual. Goreng bersama bahan-bahan seketika.
- Seterusnya masukkan air rebusan udang dan pes kicap ke dalam kual berkenaan.
- Masukkan daun kucai dan taueh ke dalam kual.
- Akhir sekali, pecahkan telur dan goreng hingga sehati.

# DI SEBALIK NAMA


OLEH Lt Kdr Mohd Abid bin Mohd Surid TLDM



**L**aksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali (Bersara) merupakan Panglima Tentera Laut yang Ke-14. Pelbagai sumbangan dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di dalam TLDM. Namun, tahukan anda beliau juga merupakan pencipta beberapa nama dan logo untuk kapal dan unit di dalam TLDM yang masih digunakan sehingga ke hari ini.

## KELAS LAKSAMANA (Skuadron Korvet Ke-24)

Kapal-kapal ini dibina oleh syarikat Itali pada tahun 1981 untuk pasukan Tentera Laut Iraq. Namun setelah siap, penyerahan kapal-kapal tersebut disekat oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) akibat Perang Iran-Iraq yang tercetus. Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk membeli kapal-kapal tersebut dan ditauliahkan dalam perkhidmatan TLDM pada Julai 1997 dan Julai 1999. KD LAKSAMANA HANG NADIM (134), KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL (135), KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN (136) dan KD LAKSAMANA TAN PUSMAH (137) adalah nama kapal-kapal yang diilhamkan oleh Kepten Ramlan Mohamed Ali TLDM (ketika itu) sempena nama laksamana yang pernah berkhidmat ketika era Kesultanan Melayu. Beliau dibantu oleh Lt Shariah Muhamad Nor TLDM dalam membuat kaji selidik.



Surat cadangan asal yang dihantar ke MKN

Selain itu, beliau juga telah mencipta logo untuk kapal dan unit berikut:



### KD SRI INDERA SAKTI

Logo ini direka pada tahun 1979 ketika beliau merupakan Staf Panduarah di Markas Panglima Wilayah Laut Barat (Commander Naval Western Region (COMNAVWEST) yang berpangkalan di Woodlands, Singapura. Rekaan ini telah memenangi pertandingan anjuran TLDM bagi mencipta logo untuk kapal *Multi-Purpose Support Ship* (MPSS) dan menerima hadiah sebanyak RM60.



### PUSTAKMAR

Logo ini direka semasa beliau dilantik sebagai Ketua Tim Projek *Action Speed Tactical Trainer* (ASTT), di PUSTAKMAR pada tahun 1983. Rekaan ini telah memenangi pertandingan mencipta logo dan menerima hadiah berjumlah RM400. Sebanyak RM350 telah disumbangkan untuk memulakan Tabung Kebajikan PUSTAKMAR.



### Kelas Laksamana

Logo untuk kapal-kapal Kelas Laksamana ini direka pada tahun 1997 ketika beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Projek (Bahagian Logistik), merangkap Ketua Tim Nukleus Projek *Patrol Vessel*, Markas Tentera Laut. S



**INTEGRATED PLATFORM MONITORING**

**COMBAT MANAGEMENT**



**Your Thinking Company**

System Consultancy Group of Companies:



**SCS Engineering Services Sdn Bhd**  
(394181-H)

Specializing in MRO ecosystem that  
transform from product to  
service centric organization



**DK Composites Sdn Bhd**  
(448908-X)

Design and Fabrication of  
Advanced Composites materials  
for Architectural, Marine,  
Automotive and Aerospace Industries



**Digital Aura (M) Sdn Bhd**  
(308286-T)

Project Management Solutions

Head Office:

**System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)**

No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur

Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my

[www.scs.my](http://www.scs.my)

# NAVY'S RELIABLE PARTNER



DESIGN




MODERNIZATION



BUILDING



ENGINEERING THE NEXT

in / @stm-defence-international  / @StmDefenceIht

[www.stm.com.tr](http://www.stm.com.tr)

